

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN SEBENAR SPM 2021-2022 SPM 2022 (SEPTEMBER)

FORMAT
TERKINI

BAHASA MELAYU

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

KERTAS 1

BAHAGIAN A [30 markah]

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan aktiviti sukan. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah **rencana** tentang kebaikan-kebaikan bersukan.

Panjangnya rencana anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

- Format untuk karangan rencana perlu ada tajuk, nama penulis rencana, bahagian pendahuluan, isi-isi penting dan akhir sekali bahagian penutup.

Contoh:

Tajuk → **Kebaikan-kebaikan Bersukan**

Penulis → **Oleh: Azeem bin Nasir**

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

Peringkat	Markah	Kriteria
Cemerlang	26 – 30	– Karangan menepati tema bahan rangsangan – Idea relevan dengan tema – Dihuraikan dengan jelas dan matang – Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat – Penggunaan kosa kata luas dan tepat – Unsur bahasa yang digunakan bervariasi – Menggunakan ungkapan yang menarik, sesuai dan tepat [peribahasa, pantun, slogan, cogan kata, kata hikmat, hadis, ayat al-Quran dan lain-lain] – Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu – Penggunaan tanda baca betul dan tepat – Pengolahan menarik dan berkesan – Wacana lengkap – Laras bahasa sesuai mengikut tugasan – Pemerenggan yang sesuai
	(28 – 30)	
	(26 – 27)	



Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	– Karangan menepati tema bahan rangsangan / tugasan – Idea relevan dengan tema / tugasan – Huraian jelas – Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat – Penggunaan kosa kata luas – Unsur bahasa yang digunakan bervariasi – Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu – Penggunaan tanda baca betul dan tepat – Pengolahan menarik – Wacana lengkap – Laras bahasa sesuai mengikut tugasan – Pemerenggan sesuai
Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	– Karangan masih menepati tema bahan rangsangan / tugasan – Idea masih relevan dengan tema / tugasan – Huraian masih jelas – Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat – Penggunaan kosa kata masih luas – Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi – Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara – Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat – Pengolahan masih menarik – Wacana masih lengkap – Laras bahasa masih sesuai mengikut tugasan – Pemerenggan masih sesuai
Penguasaan Minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	– Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan / tugasan – Idea kurang relevan dengan tema / tugasan – Huraian kurang jelas – Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat – Ketara kesalahan tata bahasa – Penggunaan kosa kata terhad – Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi – Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu – Terdapat kesalahan ejaan yang ketara – Pengolahan kurang menarik – Wacana kurang lengkap – Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugasan – Pemerenggan kurang sesuai
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	– Tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis – Idea tidak menepati tema bahan rangsangan atau tugasan – Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat

SOALAN	CADANGAN ISI
Bahagian A	(Tajuk) → Kebaikan-kebaikan Bersukan (Penulis) → Oleh: Azeem bin Nasir PENDAHULUAN – Bersukan sering diperkatakan – Buktinya selepas kemenangan Malaysia dalam sukan SEA – Juara keseluruhan – 47 butir pingat – menjadi kebanggaan – Persoalannya – apakah kebaikan-kebaikan bersukan? ISI-ISI Kebaikan-kebaikan Bersukan – Sebahagian daripada bahan rangsangan dan isi daripada pendapat sendiri [Isi daripada bahan rangsangan] Bahan 1 – Dapat memupuk perpaduan kaum Bahan 2 – Dapat melahirkan masyarakat yang cergas dan sihat Bahan 3 – Dapat mengharumkan nama negara di persada dunia [Isi daripada idea sendiri / luar] – Dapat dijadikan sebagai kerjaya – Dapat mengeratkan hubungan dan semangat setia kawan – Mengisi masa senggang – Membanteras gejala tidak sihat – Mengurangkan stres PENUTUP – Terdapat banyak kebaikan bersukan – Semua lapisan masyarakat digalakkan menyertai aktiviti bersukan – Mengangkat martabat rakyat dan negara – Mampu duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain

Bahagian B [70 markah]

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN

Peringkat	Markah	Kriteria
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	– Karangan menepati/ menjawab tugas – Idea relevan dengan tugas – Dihuraikan dengan jelas dan matang – Contoh yang sesuai – Bahasa gramatis – pelbagai jenis ayat – Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat – Penggunaan kosa kata luas dan tepat – Unsur bahasa yang bervariasi – Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang menarik dan sesuai dan tepat [peribahasa, pantun, slogan, cogan kata, kata hikmat, hadis, ayat al-Quran dan lain-lain] – Ejaan dan tanda baca yang betul

		– Pengolahan sangat menarik dan berkesan – Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan – Laras bahasa sesuai mengikut tugas – Pemerenggan yang sesuai
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	– Karangan menepati/ menjawab tugas – Idea relevan dengan tugas – Dihuraikan dengan jelas – Contoh yang sesuai – Bahasa gramatis – pelbagai jenis ayat gramatis tetapi ada kesalahan minimum – Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat – Penggunaan kosa kata luas dan tepat – Unsur bahasa masih bervariasi – Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan yang sesuai – Ejaan dan tanda baca yang betul – Pengolahan menarik dan berkesan – Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan – Laras bahasa sesuai mengikut tugas – Pemerenggan yang sesuai
Baik	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	– Idea masih relevan dengan tema / tugas – Huraian masih jelas – Contoh masih sesuai – Bahasa masih gramatis – pelbagai jenis ayat tetapi ada kesalahan minimum – Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai – Penggunaan kosa kata umum – Unsur bahasa masih bervariasi – Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan – Ejaan dan tanda baca masih betul – Pengolahan masih menarik – Wacana masih lengkap – Laras bahasa sesuai mengikut tugas – Pemerenggan masih sesuai
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	– Karangan masih / kurang menjawab tugas – Idea masih relevan dengan tugas – Huraian kurang jelas – Contoh kurang sesuai – Bahasa – ayat kurang gramatis – Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad – Penggunaan kosa kata umum dan terhad – Unsur bahasa kurang bervariasi

		– Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan – Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan minimum – Pengolahan kurang menarik – Wacana masih / kurang lengkap – Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas – Pemerenggan kurang sesuai mengikut tugas
Penguasaan Minimum	21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	– Karangan kurang menjawab tugas – Idea masih relevan dengan tugas / bercampur aduk – Huraian tidak jelas / tidak berkembang – Contoh tidak sesuai – Bahasa – ayat tidak gramatis / masih difahami – Penggunaan kata kurang tepat – Penggunaan kosa kata umum dan terhad – Unsur bahasa tidak bervariasi – Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan – Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara – Pengolahan tidak menarik – Wacana tidak lengkap – Pemerenggan tidak sesuai / tidak seimbang
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	– Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami – Idea tidak relevan / bercampur aduk – Huraian tidak jelas / tidak berkembang – Contoh tidak sesuai

SOALAN	CADANGAN ISI
Bahagian B Soalan 1	Pengaruh media sosial terhadap kehidupan masyarakat [Format perbincangan – kesan positif dan negatif] PENDAHULUAN – Medium media sosial merupakan salah satu alat untuk menyebarkan informasi, pesanan, pendapat, desas-desus, gosip, propaganda dan sebagainya kepada masyarakat secara keseluruhannya – Penggunaan media sosial dalam kehidupan seharian sudah menjadi satu trend pada masa ini – Perkembangannya bagai cendawan tumbuh selepas hujan – Penggunaannya akan memberikan kesan yang positif dan negatif kepada penggunanya sama ada daripada segi nilai, sikap dan pola tingkah laku ISI 1 – Menjadi laluan alternatif untuk saling berinteraksi – menambah kenalan yang baru dari seluruh dunia di samping hubungan yang telah lama terputus dapat diertatkan semula – Menyebabkan integrasi antara wilayah dan kaum dipertingkatkan – Contohnya, aplikasi seperti Facebook, Whatsapp dan Telegram – Memudahkan kehidupan, mencari kenalan lama atau baru

- Jarak jauh tidak menjadi batu penghalang untuk berhubung – mengikat hubungan mereka bagai aur dengan tebing – tidak perlu menulis surat untuk dipos kepada kenalan
- Kesannya – komen-komen terhadap gambar aktiviti individu yang dimuat naik secara berterusan akan mengeratkan hubungan sesama rakan, memupuk silaturahim – menjimatkan masa dan tenaga
- Jelaslah – media sosial amat berpengaruh terhadap masyarakat – dijadikan saluran utama untuk berinteraksi dan mengeratkan hubungan antara satu sama lain

ISI 2

- Dapat menyampaikan maklumat dengan pantas
- Terdedah dengan banjiriran ilmu pengetahuan – segala maklumat ini hanya berada di hujung jari
- Contohnya – segala maklumat yang diinginkan boleh diperolehi secara mudah
- Menggunakan enjin carian Google dan Yahoo tanpa perlu pergi ke perpustakaan
- Menaip tajuk – enjin carian ini akan mencadangkan beberapa ratus laman sesawang media sosial – membincangkan tajuk yang berkaitan – pucuk dicita ulam mendatang dan orang mengantuk disorongkan bantal
- Bagi pelajar – boleh memuat turun buku elektronik secara percuma ataupun berbayar, pelajar juga boleh mendapatkan sampel tugas untuk dijadikan rujukan
- Menggunakan manfaat – mencari tip menarik di media sosial seperti tip keibubapaan, resepi masakan dan sebagainya untuk diaplikasikan di dalam kehidupan
- Terbuktilah media sosial mampu memberikan manfaat kepada anggota masyarakat – dapat membekalkan pelbagai ilmu pengetahuan yang berguna dan diamalkan dalam kehidupan

ISI 3

- Berurusan dalam talian – menjana pendapatan yang lumayan
- Boleh mengembangkan perniagaan atau memasarkan produk secara percuma tanpa memerlukan seseorang itu bersemuka secara empat mata
- Harus lebih berhati-hati ketika berurusan secara talian dan tidak mededahkan maklumat diri anda sewenang-wenangnya
- Kadar jenayah di Internet telah meningkat – telah menelan kerugian jutaan ringgit
- Contoh – penipuan banyak berlaku melalui aplikasi seperti Facebook, Blog, Twitter dan sebagainya – produk tiruan, penipuan Macau dan lain-lain
- Tegasnya – dapat mewujudkan perniagaan di hujung jari tanpa had masa dan mampu melahirkan ramai usahawan yang berjaya – pada masa sama penipuan dalam talian banyak merugikan pengguna / anggota masyarakat

ISI 4

- Penyalahgunaan media sosial merupakan punca keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat – menyebabkan perubahan penampilan akhlak – cara pergaulan, berhibur dan berkomunikasi
- Mudah terikut dengan perkara yang melalaikan – berbentuk hiburan ke arah hedonisme / keseronokan berlebihan dan tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda hari ini
- Contohnya – bahan hiburan – melalui Internet, televisyen, Facebook, Twitter, Instagram
- Menghabiskan masa berlebihan untuk bersantai
- Memberi impak yang besar kepada akhlak – berlaku perubahan budaya asing – merubah gaya hidup generasi muda

- Tegasnya, kebanyakan anggota masyarakat – hiburan menjadi pilihan utama berbanding slot agama dan wacana ilmu yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan

PENUTUP

- Media sosial amat berpengaruh dalam dunia hari ini untuk melestarikan kehidupan masyarakat – dapat memberikan kesan positif dan negatif
- Media sosial mengalami transformasi bukan sekadar sebagai penyebar maklumat malah aktiviti hiburan termasuk baik dan buruk
- Semua pihak tampil untuk bekerjasama dalam memastikan media sosial sentiasa digunakan di jalan yang betul
- Penting untuk masyarakat terutamanya ibu bapa untuk memberikan pendedahan kepada anak tentang penggunaan media sosial dan juga bahayanya mengekspresikan diri tanpa batasan di ruang maya itu agar mereka lebih matang dalam menggunakan teknologi dengan baik

Soalan 2

Implikasi bekerja secara sambilan dalam kalangan pelajar

[Format pendapat]

PENDAHULUAN

- Kerja sambilan – merujuk kerja sementara yang biasanya dilakukan oleh golongan remaja terutama ketika musim cuti sekolah
- Turut dilakukan oleh golongan tua dan wanita
- Wajar dilakukan oleh remaja kerana sudah menjadi satu gaya hidup moden tetapi gaya ini turut mencetuskan pelbagai impak terhadap remaja
- Persoalannya, apakah implikasi bekerja secara sambilan dalam kalangan pelajar?

ISI 1

- Peluang kepada pelajar – menambahkan pendapatan, mendapatkan wang tambahan dan membantu mengurangkan masalah kewangan keluarga
- Disebabkan peningkatan kos sara hidup bukan sahaja membebankan isi rumah malah kesannya turut dirasakan oleh golongan pelajar
- Sebagai contohnya – pelajar yang tersepit dengan masalah kewangan
- Mencari pendapatan alternatif – melakukan kerja-kerja sambilan – bekerja di restoran makanan segera, pasar raya, dan stesen minyak
- Kesannya – mendapat banyak pengalaman yang berguna kepada mereka
- Jelaslah – kerja sambilan – bukan sahaja dapat menambah pendapatan tetapi juga menjadi alat untuk menjelaskan erti kehidupan sebenar kepada remaja sebelum mereka benar-benar melaluinya – belum cuba belum tahu

ISI 2

- Memberi satu pengajaran berguna kepada pelajar dalam kehidupan
- Jangka masa yang pendek bersama-sama rakan sekerja dan majikan pasti meninggalkan pelbagai kesan yang menarik
- Mampu membentuk personaliti yang menarik menerusi kerja sambilan
- Contohnya – semasa bertugas di tempat kerja – dapat membina jati diri yang baharu kerana kerja ini memerlukan mereka menepati masa kerana masa itu emas, rajin bekerja, menurut arahan, dan menggunakan minda ketika berinteraksi dengan pelanggan
- Kesannya – menyedari betapa kehidupan sosial memerlukan kemahiran tinggi terutama ketika di tempat kerja
- Jika dahulunya malas, tiada wawasan, tidak yakin diri dan sebagainya pasti berubah sebaik sahaja mereka bekerja secara sambilan
- Kerja sambilan dapat memberikan banyak pengajaran dalam mengharungi kehidupan

ISI 3

- Impak negatifnya – gagal mengurus masa dengan baik – menjadi individu yang terlalu sibuk, mementingkan kewangan, lupa tugas belajar mereka
- Menganggap sudah mampu hidup sendiri tanpa bantuan keluarga – terlalu angkuh – peribahasa – belum lepas tali uri sudah hendak bangkit berdiri
- Contohnya – mempunyai limitasi masa belajar berbanding rakan-rakan yang lain
- Masa yang sepatutnya digunakan oleh mereka untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran telah digunakan sebahagiannya untuk mencari pendapatan
- Kesannya – tidak mempunyai cukup masa untuk mengulang kaji pelajaran mereka
- Kekangan masa – memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik jika pelajar gagal menguruskan masa dengan baik
- Kemerosotan prestasi akademik pelajar yang bekerja sambil ialah kegagalan menguruskan masa dengan baik

ISI 4

- Akan menjejaskan kesihatan remaja
- Selepas pulang daripada sekolah, mereka harus keluar semula untuk bekerja sehingga larut malam – tercetus keadaan yang dikejar tak dapat, yang digendong berciciran
- Berasa tertekan apabila belajar lapan jam di sekolah dan harus bekerja sehingga larut malam selepas bersekolah
- Sebagai contohnya, setiap manusia memerlukan sekurang-kurangnya tujuh jam untuk tidur
- Kesannya – tidak mempunyai cukup tidur
- Tidak mampu untuk mengikuti pelajaran di sekolah pada keesokan harinya
- Kekurangan hadir ke kelas – semakin kerap pelajar ponteng sekolah, semakin tinggi risiko ke atas prestasi akademik mereka
- Tekanan daripada sekolah dan kerja pastinya akan menjejaskan kesihatan mereka

PENUTUP

- Kerja sambil banyak kebaikan – tetapi wajar dilakukan secara bertanggungjawab
- Menimbang dengan mendalam sebelum menyertai kerja sambil
- Bertanya kepada diri sendiri, adakah ini sesuatu yang ingin dilakukan?
- Pelajar yang berhasrat untuk melakukan kerja sambil haruslah bijak menguruskan masa belajar dan bekerja supaya tidak mengganggu pelajaran
- Pelajar juga seharusnya mengambil peluang mempraktikkan apa-apa yang dipelajari dengan pekerjaan yang dilakukan
- Tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai pelajar jangan menjadi seperti kura-kura di kaki ditinggalkan, burung terbang dikejar

Soalan 3

Usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

[Calon perlu memberikan saranan yang lain daripada bahan stimulus]

[Format pendapat]

PENDAHULUAN

- Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perhubungan atau lingua franca lebih 600 tahun lalu
- Telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan negara dan telah menjadi bahasa rasmi sejak merdeka
- Termaktub dalam Perlembagaan Negara, iaitu Perkara 152
- Kemelut yang melanda – rakyat negara ini semakin meminggirkan bahasa Melayu

- Perlu membuktikan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan
- Kata-kata keramat Bahasa Jiwa Bangsa diulang kembali
- Usaha-usaha memartabat bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa perlu dilakukan secara berkesan

ISI 1

- Pihak kerajaan perlu memainkan peranan yang dominan – memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa
- Lalui peranan dan usaha yang dimainkan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Contohnya – menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang, termasuklah undang-undang, kejuruteraan, sains dan teknologi, ekonomi, perbankan, insurans dan sebagainya
- Terbukti dengan terbitnya buku-buku pengistilahan dan glosari dalam bahasa Melayu – mencakupi pelbagai bidang – bersungguh-sungguh – hendak menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan
- Usaha ini merupakan satu kejayaan yang membanggakan – dapat membantu program pendidikan di pusat

ISI 2

- Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara luar
- Menggunakan bahasa Melayu dalam ucapan majlis perasmian, mesyuarat atau perhimpunan
- Contohnya pihak DBP menjalin hubungan dengan Radio Antarabangsa China (CRI)
- Menghantar penasihat bahasa – berkhidmat sebagai editor yang menyemak artikel dan berita yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk Siaran Bahasa Melayu – membuat dengan sempurna – alang-alang berminyak biar sampai licin
- Kesannya – mengeratkan lagi hubungan CRI dengan DBP seiring dengan matlamat kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia
- Perlu memperkukuh hubungan diplomatik dengan negara maju – agar bahasa Melayu dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi

ISI 3

- Pihak kerajaan melalui DBP hendaklah menjadi mata dan telinga dalam menggerakkan semua aktiviti pembinaan dan pemantapan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa
- Sentiasa menasihat, menegur, dan membimbing pemimpin kerajaan, swasta, media cetak, atau media elektronik supaya menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam semua urusan rasmi di dalam atau di luar negara
- Contohnya memastikan sektor swasta peka akan penggunaan bahasa Melayu
- Menganjurkan lebih banyak kegiatan bahasa di luar negara seiring dengan promosi perniagaan atau produk masing-masing
- Impaknya – kegiatan promosi dan pasaran secara terancang akan memberikan pulangan yang merangsangkan perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ekonomi, sains, dan teknologi
- Dapat mendaulatkan dan memartabatkan bahasa Melayu bukan sahaja di negara kita malah di pentas dunia

ISI 4

- Pihak kerajaan memastikan institusi pengajian tinggi di dalam dan di luar negara memainkan peranan yang proaktif memartabatkan bahasa Melayu

- Mahasiswa perlu bergerak bersama-sama bagi mengukuhkan bahasa Melayu dalam semua bidang ilmu
- Sebagai contoh, Datuk Mahadzir Mohd Khir, mantan Timbalan Menteri Pendidikan – mengatakan bahawa langkah-langkah yang dijalankan oleh mahasiswa dengan menganjurkan Minggu Bahasa Melayu di institusi pengajian tinggi dalam kegiatan pengantarabangsaan budaya dan bahasa Melayu – akan menarik minat masyarakat antarabangsa
- Dapat mendaulatkan bahasa ibunda di samping memupuk kecintaan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan – masyarakat tempatan dan luar negara
- Komitmen dan perancangan yang teliti – dilakukan bagi menarik rambur dalam tepung, rambur jangan putus, tepung jangan selera – sudah pasti hasrat memartabatkan bahasa Melayu di persada antarabangsa akan tercapai

PENUTUP

- Kesimpulannya – pelibatan kerajaan dalam memartabat bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa amatlah penting
- Langkah-langkah yang konkrit dan pragmatik perlulah diambil
- Hakikat ini perlu disedari dan diakui oleh seluruh rakyat Malaysia
- Kepentingan bahasa ini tidak dapat dipertikaikan lagi
- Setiap individu harus menyokong hasrat ini – memanfaatkan masa mereka untuk mempelajari dan menguasai bahasa Melayu dengan baik dan mempromosikannya ke seluruh pelosok dunia
- Cara itulah yang terbaik untuk memartabatkan bahasa Melayu yang ternyata memberikan faedah yang besar kepada perpaduan rakyat dan teknologi negara
- Jika tidak, generasi yang akan datang akan ketinggalan dan dijajah oleh kuasa-kuasa Barat yang menggunakan bahasa asing
- Sesungguhnya, bahasa jiwa bangsa

Soalan 4

Cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengekalkan amalan hidup bersatu padu.

[Calon perlu mengambil cadangan daripada bahan stimulus]

[Format pendapat]

Karangan – Cara-cara Mengekalkan Perpaduan Kaum

PENDAHULUAN

- Sejak merdeka – 31 Ogos 1957, penduduk Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum hidup bagai aur dengan tebing
- Merupakan sebahagian sejarah dan warisan negara kita
- Walaupun menyedari hakikat bahawa rambur sama hitam, hati lain-lain, namun masyarakat yang berbilang kaum ini hidup dengan aman dan damai
- Semua pihak – perlu memegang pada kekuatan jata negara, yakni “Bersekutu Bertambah Mutu” – berperanan penting menjadikan Malaysia tempat yang harmoni untuk hidup, belajar, bekerja dan bermain bersama
- Mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengeratkan perpaduan kaum

ISI 1

- Pelbagai pihak bertanggungjawab dalam mempraktikkan amalan hidup bersatu padu – melalui aktiviti kemasyarakatan
- Melibatkan semua peringkat – umur, pelbagai kaum
- Dapat mengeratkan hubungan, saling mengenali persis mutiara kata belayar sambil memapan
- Contohnya – memperbanyak aktiviti gotong-royong di taman-taman perumahan
- Langkah paling berkesan untuk memupuk perpaduan kaum

- Keluar untuk bekerja bersama-sama membersihkan taman-taman perumahan sambil berinteraksi kerana tak kenal maka tak cinta
- Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Yaakob menyatakan keluarga Malaysia perlu terus kekal bersatu padu dan mempertahankan keharmonian dalam semua aspek – perpaduan merupakan rencah paling penting untuk kestabilan negara
- Melalui aktiviti kemasyarakatan – dapat mengamalkan prinsip berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Dapat menikmati pembangunan nusa tercinta ini bersama-sama

ISI 2

- Membudayakan amalan kunjung-mengunjung ke rumah rakan-rakan yang berlainan kaum
- Kebudayaan antara kaum dapat difahami dengan lebih mendalam sekali gus
- Dapat menjana tahap kefahaman dan membina masyarakat yang saling menghormati
- Contohnya – pada musim-musim perayaan kerana rakyat negara ini gemar mengadakan majlis rumah terbuka
- Amalan rumah terbuka ini membuka ruang kepada rakyat berbilang kaum saling berkenalan dan beramah mesra di samping menikmati makanan tradisional kaum masing-masing
- Sikap buang yang keruh, ambil yang jernih ternyata mampu menjalin hubungan semangat perpaduan yang tersedia utuh

ISI 3

- Mewujudkan satu jenis kurikulum dan satu jenis sekolah kebangsaan – belajar di bawah satu bumbung
- Menghimpun kanak-kanak dan remaja tanpa mengira latar belakang mereka dan memberikan pendidikan yang terbaik
- Akan berinteraksi dan bergaul sesama mereka dan melahirkan kesefahaman serta kekitaan dalam menghadapi persekolahan
- Contohnya – sekolah vernakular – diubah menjadi sekolah nasional – penyatuan ini bukan tidak akan menjejaskan perpaduan malah menggalakkan interaksi positif dalam kalangan pelajar pelbagai kaum
- Pelaksanaan kurikulum yang sama – mengelakkan jurang pendidikan antara mereka
- Tegasnya, dengan menyatukan institusi pendidikan di bawah satu sistem sahaja semangat perpaduan antara kaum dapat dilahirkan persis kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungunya

ISI 4

- Boleh dipupuk dengan memperkasa aktiviti sukan dan rekreasi dalam komuniti
- Selain manfaat kesihatan, aktiviti sukan dan rekreasi juga mampu melahirkan sifat bekerjasama dan toleransi antara satu sama lain
- Penting bagi kita untuk saling memahami budaya dan adat resam yang diamalkan oleh setiap kaum dan bangsa di Malaysia
- Contohnya, pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi setempat – yang mudah untuk disertai dan boleh dilakukan pada setiap hari tanpa mengira waktu dan lapisan umur masyarakat
- Pihak NGO, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan hendaklah berganding bahu bagai aur dengan tebing dalam menyediakan dan menyelenggara infrastruktur rekreasi dan sukan untuk masyarakat umum

- Intihannya, – menyertai aktiviti sukan dan rekreasi, masyarakat bukan sahaja dapat bersatu padu malah menjadi lebih sihat dan cergas

PENUTUP

- Sudah terang lagi bersuluh – negara kita dapat berkembang maju dengan lebih lancar
- Jika rakyat Malaysia mengaplikasikan mesej dalam peribahasa ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni dalam kehidupan seharian – dijadikan realiti, bukannya fantasi
- Seperti lirik lagu yang dipopularkan oleh penyanyi Adibah Noor, ikan di laut, asam di darat, dalam periuk, bikin muafakat
- Kita sebenarnya mempunyai banyak perbezaan tetapi jika disatukan dalam prinsip dan nilai kemanusiaan yang baik, pastinya perpaduan dapat dilahirkan dan dikekalkan
- Perlu minda yang terbuka dan luas pengetahuan untuk menerima dan menghormati kaum atau bangsa lain serta hidup dengan aman dan harmoni di bawah Jalur Gemilang
- Semoga – dapat direalisasikan dan menjadi tunjang kemajuan negara untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain

KERTAS 2

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA [35 markah]

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 1: 8 markah

Soalan 2: 6 markah

Soalan 3: 11 markah

Soalan 4: 6 markah

Soalan 5: 4 markah

PANDUAN PENSKORAN

Perhatian bagi Soalan 1 : Morfologi

1. Berikan 1 *markah* bagi setiap kata kerja yang disenaraikan dengan betul.
2. Jika calon menyenaraikan lebih daripada 3 kata kerja aktif transitif, semak setakat 3 kata kerja aktif transitif yang pertama sahaja.
3. Berikan 1 *markah* bagi setiap ayat daripada kata kerja yang betul.
4. Jika calon membina lebih daripada 3 ayat, semak setakat 3 ayat yang pertama sahaja.
5. Tolak 1 *markah* bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan jawapan.
6. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 *markah*.
7. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 *markah*.
8. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 *markah*.
9. Ayat tidak jelas maksudnya, berikan 0 *markah* bagi setiap ayat.
10. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada mana-mana petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 *markah*.
11. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
12. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi penggunaan tanda baca dengan betul.

SOALAN	JAWAPAN	Markah
Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa	memperoleh	1
	Maksud: – Mendapat, menerima (mencapai atau menemui) dengan ikhtiar atau usaha	1
	Ayat contoh: Kita telah <u>memperoleh</u> kemerdekaan tanpa menumpahkan darah setitik pun.	
	Soalan 1 (Morfologi)	
	mengambil	1
	Maksud: – Memegang sesuatu lalu membawa atau mengangkatnya; memungut sesuatu yang ada di bawah	1

	– Menggunakan sesuatu kepunyaan orang (dengan kebenaran ataupun tidak) – Memerlukan atau memakan – Mendapatkan sesuatu (seperti sukatan, bacaan) dengan menyukat atau dengan mengukur – Menerima orang untuk bekerja dan sebagainya Ayat contoh: Adik telah <u>mengambil</u> wuduk sebelum melakukan ibadat solat sebentar tadi.	
	mendapatkan Maksud: – Pergi bertemu atau berjumpa dengan, pergi atau datang kepada (seseorang) – Mendapat, memperoleh (menerusi usaha) – Mengunjungi, menziarahi – Mengunjungi (sebagai permulaan dalam surat), menjelang, menemui Ayat contoh: Amirah berlari-lari <u>mendapatkan</u> ibunya yang baru pulang dari pejabat.	1
	memilih Maksud: – Menunjukkan barang, orang dan lain-lain yang disukai – Mencari atau memisah-misahkan mana yang baik – Menentukan orang dan lain-lain dengan menyatakannya Ayat contoh: “Kalian hendaklah <u>memilih</u> calon yang benar-benar layak menjadi pengerusi persatuan,” kata Cikgu Asri.	1
	mempunyai Maksud: – Ada menaruh atau menyimpan sesuatu; ada yang dimilikinya atau memiliki Ayat contoh: Kata hikmat atau kata pujangga ialah kata-kata daripada orang bijak pandai yang <u>mempunyai</u> pengertian yang tinggi.	1
	[Maksimum : 8 markah]	

Perhatian bagi Soalan 2: Sintaksis

1. Berikan 1 *markah* bagi setiap Frasa Nama (Subjek) yang betul.
2. Berikan 1 *markah* bagi setiap FN, FK, FA, atau FS (predikat) yang betul.
3. Susunan dan maksud ayat mesti dikekalkan bagi setiap subjek dan predikat.
4. Jika susunan ayat tidak dikekalkan beri 0 *markah*.
5. Tidak menambah perkataan lain atau mengurangkan perkataan yang sedia ada dalam ayat.

SOALAN	JAWAPAN	Markah
Soalan 2 (Sintaksis)	i. Pola Ayat: FN + FK	
	FN: 140 buah universiti daripada 50 buah negara di dunia	1
	FK: menawarkan pengajian Bahasa Melayu	1
	ii. Pola Ayat: FN + FA	
	FN: Penerimaan pelajar luar negara terhadap bahasa Melayu	1
	FA: begitu positif	1
	iii. Pola Ayat: FN + FN	
	FN: Sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu	1
	FN: ialah individu yang tidak terpelajar	1
[Maksimum: 6 markah]		

Perhatian bagi Soalan 3: Penyuntingan

- (i) Periksa jawapan calon setakat enam kesalahan pertama yang disenaraikan bagi Bahan 1 dan lima kesalahan pertama yang disenaraikan bagi Bahan 2.
- (ii) Berikan 1 *markah* bagi setiap kesalahan bahasa yang dibetulkan dengan tepat.
- (iii) Berikan 0 *markah* jika calon tidak menyenaraikan perkataan yang salah.
- (iv) Terima jawapan jika calon membetulkan kesalahan dalam petikan yang ditulis semula.

SOALAN	JAWAPAN		Markah	
Soalan 3 (Penyuntingan)	Bahan 1			
		Salah	Betul	
	i.	Dari	Daripada	1
	ii.	Febuari	Februari	1
	iii.	dipilihkan	dipilih	1
	iv.	dilaut	di laut	1
	v.	maklumat	makluman	1
	vi.	dihargai oleh saya	saya hargai	1
	[Maksimum: 6 markah]			
	Bahan 2			
		Salah	Betul	
	i.	yang	bahawa	1
	ii.	dikendali	mengendalikan	1
	iii.	memuji	memohon	1
	iv.	demi untuk	untuk/demi	1
	v.	bermula	bermula dari	1
	vi.	atlit	atlet	1
	[Maksimum: 5 markah]			

Perhatian bagi Soalan 4: Bahasa Melayu Standard
Panduan Penskoran

Deskripsi	Markah
	6
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5 – 6
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	4
– Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
– Ayat disalin bulat-bulat	0
– Isi tidak mengikut urutan	0

SOALAN	JAWAPAN	Markah
Soalan 4 (Bahasa Melayu Standard)	Seri Amerta berasal dari Pasai, tanah Samudera namanya. Disebabkan beliau cerdik dan fasih berbicara, beliau dilantik oleh baginda sebagai bentara yang diberi gelaran Seri Amerta. Baginda menyediakan sebuah bangku tebal dan kedudukan bangku itu adalah di bahagian bawah hampir dengan tempat duduk baginda. Di situlah beliau memegang pedang dan menyampaikan setiap titah raja. [Maksimum: 6 markah]	6

Perhatian bagi Soalan 5: Peribahasa

1. Berikan 1 *markah* untuk setiap peribahasa yang tepat.
2. Berikan 1 *markah* untuk setiap maksud peribahasa yang tepat.
3. Berikan 0 *markah* untuk peribahasa yang salah.
4. Periksa atau tanda 2 peribahasa yang pertama sahaja

SOALAN	JAWAPAN	Markah
Soalan 5 (Peribahasa)	i. Indah khabar dari rupa.	1
	Maksud: Perkhabaran tentang sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan.	1
	ii. Alah membeli menang memakai	1
	Maksud: Sesuatu barang yang dibeli dengan harga yang agak mahal tetapi berkualiti dan mampu bertahan lama.	1
	iii. Ukur baju di badan sendiri.	1
	Maksud: Berbelanja mengikut kemampuan diri.	1
[Maksimum: 4 markah]		

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN [35 markah]

Markah penuh 35 *markah* dibahagikan kepada:

Soalan 6: 12 markah

Soalan 7: 13 markah

Soalan 8: 10 markah

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan.

Panduan pemarkahan soalan pemahaman

i. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

Deskripsi	Markah
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat gramatis	2
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup/ayat tidak gramatis	1
– Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	
– Jawapan salah	0

ii. Soalan 3 *markah*: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

Deskripsi	Markah
– Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat gramatis	3
– Isi cukup/menyentuh semua bahan/relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup/menyentuh semua bahan/ayat gramatis	
– Isi tidak cukup/tidak menyentuh semua bahan	1
– Jawapan salah	0

iii. Soalan 4 *markah*: Pemahaman unsur KBAT dan novel

Deskripsi	Markah
– Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas/ayat gramatis	4
– Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas/ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
– Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	2
– Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
– Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
– Jawapan salah	0

Soalan 6

CADANGAN JAWAPAN

	Markah
i. Maksud <i>bukanlah noktah</i>	
– Tidak/tiada berakhir/tidaklah terhenti/titik terakhir/pengakhiran/penamat	2
– Bukan titik/bukan pengakhiran/penamat/terhenti/berakhir	1
– Tidak/tiada noktah	1

[Maksimum: 2 *markah*]

	Markah
ii. Kesan terhadap ibu bapa apabila anak-anak memperoleh keputusan peperiksaan yang kurang memberangsangkan	
Bahan 1 – P1 Berasa bersalah	1
Bahan 1 – P2 Berasa kecewa	1
Bahan 2 – P1 Tidak dapat menerima hakikat	1
Bahan 1 – P2 Amat sukar menerima kegagalan	1

[Maksimum: 3 *markah*]

[Isi cukup: 2 isi (1 isi daripada setiap bahan)]

	Markah
iii. Peranan-peranan kaunselor untuk membantu murid yang mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang melanjutkan pelajaran mereka	
P1 – Membantu murid membuat pilihan kursus yang sesuai dengan mereka	1
P2 – Menerangkan kelebihan pusat pengajian tinggi	1
P3 – Mendapatkan maklumat daripada IPTA/IPTS/brosur terkini	1
P4 – Mengadakan sesi motivasi/penerangan/taklimat tentang IPTA/IPTS	1
P5 – Mempertingkatkan kesediaan mental/emosi/psikologi murid	1
[Mana-mana peranan lain boleh diterima jika sesuai]	

[Maksimum: 3 *markah*]

[Isi cukup: 2 isi]

		Markah
iv.	Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh rakan anda untuk mengurangkan stres	
	P1 – Meminta nasihat daripada guru/pihak lain	1
	P2 – Menghadiri/menyertai majlis ilmu/agama/kem bina semangat	1
	P3 – Mengisi masa senggang dengan perkara bermanfaat	1
	P4 – Meminta nasihat daripada ibu bapa/sahabat/rakan lain	1
	P5 – Membentuk kumpulan belajar/kelas tambahan	1
	[Mana-mana tindakan lain boleh diterima jika sesuai]	

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 7

CADANGAN JAWAPAN

		Markah
i.	(B1) Akibat-akibat orang yang tidak berilmu	
	P1 – Merana	1
	P2 – Dijadikan hamba	1
	P3 – Dihina	1

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

		Markah
ii.	Kepentingan-kepentingan ilmu kepada seseorang	
	Bahan 1:	
	P1 – Sangat mulia	1
	P2 – Disayangi orang sepanjang masa	1
	P3 – Pembimbing / penerang di dunia dan di akhirat	1
	P4 – Seperti lilin menerangi orang lain	1
	P5 – Dipandang tinggi oleh masyarakat / disanjung tinggi masyarakat	1
	Bahan 2:	
	P1 – Mampu berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung	1
	[Jawapan mesti berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2]	

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

		Markah
iii.	Usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh golongan remaja untuk menambahkan ilmu pengetahuan	
	P1 – Membaca	1
	P2 – Menggunakan media massa/Internet/media sosial/rancangan televisyen	1
	P3 – Meminta tunjuk ajar daripada guru/ibu bapa/ahli keluarga	1
	P4 – Membuat kajian/penyelidikan	1
	P5 – Melibatkan diri dalam program ilmu/kursus/motivasi	1
	[Mana-mana usaha lain boleh diterima jika sesuai]	

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

		Markah
iv.	Cadangan-cadangan yang dapat anda berikan kepada Mel supaya dia terus tinggal di desa	
	P1 – Menjalankan pertanian/ mengusahakan tanah	1
	P2 – Mengusahakan perniagaan/ IKS	1
	P3 – Meminta Mel menjaga ibu bapa	1
	P4 – Meminta Mel menjadi pemimpin belia	1
	[Mana-mana cadangan lain boleh diterima jika sesuai]	

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Soalan 8

CADANGAN JAWAPAN

		Markah
i.	Tekanan-tekanan yang dihadapi oleh Raiha	
	P1 – Berasa dirinya dikejar bayangan Doktor Sadiz	1
	P2 – Berasa sepi, terasing dan amat terkilang	1
	P3 – Wujud perasaan yang menakutkannya	1
	P4 – Cukup menyeksa dunia batinnya	1
	P5 – Sukar merehatkan diri di pembaringannya	1

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

Panduan permarkahan bagi Soalan 8 (ii)

- Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- Jawapan mestilah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- Berikan 1 *markah* bagi setiap isi (peristiwa) yang betul.
- Berikan 1 *markah* bagi peristiwa/huraian/contoh yang lengkap/jelas bagi setiap isi.
- Markah isi maksimum 4 *markah* [2 *markah* bagi setiap isi dan peristiwa/huraian/contoh.]
- Markah bahasa maksimum 2 *markah*, diberikan secara kesan menyeluruh, iaitu baik 2 *markah*, lemah 1 *markah*.
- Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 *markah* untuk bahasa.
- Calon tidak menjawab 0 *markah*.

[Maksimum: 6 markah]

ii. Peristiwa yang menggembirakan

SOALAN	JAWAPAN	Markah
Soalan 8 (Novel)	(a) <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib</i> – Peristiwa yang menggembirakan saya yang pertama ialah peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun. Pak Saidi telah melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi telah berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana saya kagum akan semangat patriotik dan keberanian Pak Saidi yang sanggup berjuang mempertahankan maruah negara dan keluarga hingga titisan darah terakhir.	2

– Peristiwa yang menggembirakan saya yang kedua ialah peristiwa penduduk kampung yang tidak memberikan maklumat kepada tentera Jepun yang mencari ahli keluarga Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal. Mereka menyembunyikan keluarga Adnan. Hanya Pak Saidi yang berjaya dikesan oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana wujudnya kerjasama dalam kalangan penduduk kampung untuk menyelamatkan keluarga Leftenan Adnan yang telah terkorban demi negara. [Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]	2
(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor – Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Farisha, Rosman dan Aqram telah menghadiri Simposium Keselamatan Sistem di Hotel Renaissance. Farisha teruja kerana setiap peserta diberi peluang untuk menggodam sistem komputer di Amerika Syarikat dan Jepun. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana walaupun Farisha, Rosman dan Aqram telah menjadi pakar dalam bidang komputer tetapi mereka tidak melepaskan peluang untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang tersebut. – Peristiwa yang menggembirakan saya adalah apabila Shida, rakan serumah Farisha sentiasa membantu Farisha seperti menghantar Farisha ke stesen monorel, menghantar ke Softlab dan membantu Farisha menyemak dokumen kontrak. Saya berasa gembira kerana Farisha bertuah memiliki sahabat yang baik ketika susah dan senang. – Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam. Ketika pertemuan itu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu. Pembaca berasa gembira kerana akhirnya Farisha berpeluang menemui ayah kandungnya buat kali terakhir. [Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]	2
(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin – Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Lili menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah. Contoh : Lili telah berjaya menyelesaikan kemelut rumah tangga Che Jah dengan bantuan Puan Hamimah, Pegawai Kebajikan Masyarakat. – Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Danel menyiapkan artikel ‘Segalanya Tentang Pisang’. Contoh : Danel berjaya menyiapkan berbelas-belas artikel tentang pisang dalam sebuah buku. – Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Rafik dan Haziq menyambung pelajaran. Contoh : Mereka berdua telah berubah dan insaf dengan bantuan datuk Lili. Akhirnya mereka akan menduduki peperiksaan PMR sebagai calon persendirian. – Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Lili dan Danel menyelesaikan isu kubah.	2

Contoh : Lili dan Danel berasa amat gembira kerana akhirnya mereka berjaya menyelesaikan isu kubah dengan mencadangkan kubah itu diletakkan di masjid baharu yang bakal dibina.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(d) *Pantai Kasih karya Azmah Nordin*

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Doktor Raiha bertanggungjawab membedah Doktor Uwang setelah beliau terlibat dalam kemalangan iaitu terlanggar tembok garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih. Pembedahan harus dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa Doktor Uwang dan menggantikan sendi pada lutut dan sebelah pergelangan tangannya yang parah. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana Doktor Raiha sentiasa bertanggungjawab terhadap tugasnya sebagai seorang doktor.

2

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Doktor Raiha yang telah mengusap dahi Felicia Landosi sambil tersenyum dan menasihatinya. Doktor Raiha bersedia memaafkan Felicia Landosi dan menerima semua takdir itu dengan menyatakan bahawa mereka merupakan mangsa keadaan. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana Doktor Raiha telah memaafkan kesilapan Felicia Landosi dan beliau pasrah menerima takdir hidupnya.

2

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(e) *Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip*

- Peristiwa kejayaan Dahlia melanjutkan pelajaran ke Jepun.
Contoh : Dahlia berjaya melanjutkan pelajaran ke Jepun walaupun terpaksa mengharungi pelbagai kesusahan seperti kemiskinan hidup keluarga dan masalah keluarga.

2

- Peristiwa kejayaan keluarga Dahlia menginsafkan Nek Kiah.
Contoh : Nek Kiah yang tidak menyukai keluarga Dahlia akhirnya insaf selepas dia dijaga oleh Dahlia dan adik-beradiknya semasa Nek Kiah sakit.

2

- Peristiwa kejayaan masyarakat kampung bermuafakat dan bekerjasama semasa banjir besar melanda.

2

Contoh : Penduduk Kampung Haji Rais telah bermuafakat dan bekerjasama membina rumah Embong semula yang musnah akibat banjir. Kaum wanita bergotong-royong menyediakan makanan.

- Peristiwa kejayaan hubungan Dahlia dengan Azhari.

2

Contoh : Dahlia dan Azhari akhirnya bertunang walaupun menempuh pelbagai dugaan dalam perhubungan mereka.

[Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]

(f) *Tirani karya Beb Sabariah*

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Waheeda dan Ghazi membeli dan mengusahakan Chalet Iwana-Iwani yang terletak di Cameron Highlands daripada Pak Cik Aziz dan menukarkan nama chalet itu kepada Aya-Sajinah. Waheeda mengembleng kudratnya untuk membangunkan chalet itu walaupun kadang kala terpaksa berjauhan dengan anak kesayangannya, Izzati yang bersekolah di Sarawak. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana kegigihan Waheeda dalam perniagaan Chalet Aya-Sajinah telah berjaya membuahkan kejayaan apabila chalet tersebut menjadi tumpuan pelancong.

2

– Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Zahid muncul pada waktu pagi di Kafe Iwana-Iwani dengan harapan akan dapat melihat wajah Izzati dengan lebih dekat lagi. Akhirnya, pertemuan Zahid dan Izzati mengungkap rasa kesal, sedih dan reda kerana gadis yang dilihat oleh Zahid dalam tiga hari ini ialah anaknya yang selama ini dirindukannya. Zahid juga ingin bertemu dengan Waheeda untuk meluahkan perasaan rindu, kesal dan bersalah akibat tindakannya mengabaikan dan meninggalkan Waheeda dan Izzati selama 20 tahun. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana Zahid akhirnya insaf atas kesilapannya selama ini yang mengabaikan keluarganya. [Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]	2
(g) <i>Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop</i> – Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa seorang penduduk tempatan telah membuat aduan tentang aktiviti bukan perladangan di sebuah ladang kelapa sawit yang terletak jauh di pedalaman Bestari Jaya. Pasukan Gerak Khas telah diarahkan ke lokasi tersebut untuk mengadakan serbuan dan tangkapan. Selepas berbalas tembakan, Muhammad Taufik berjaya diselamatkan. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana wujudnya kerjasama daripada penduduk setempat dengan pihak polis sehingga berjaya menyelamatkan Muhammad Taufik.	2
– Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Muhammad Taufik meluahkan isi hatinya terhadap Nurul Hafsa. Dia telah mengembalikan selendang hitam manik kristal yang disimpannya semenjak hari pertama dia mengetahui Nurul Hafsa diculik. Muhammad Taufik menyampaikan hasratnya untuk menghantar rombongan lamaran ke kediaman orang tua Nurul Hafsa. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana pada akhir cerita, Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa akan berkahwin. [Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]	2
(h) <i>Silir Daksina karya Nizar Parman</i> – Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa apabila Ratna gagal mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM, dia bertekad membantu emaknya menguruskan gerai dengan dibantu oleh abang dan adiknya. Ratna bercita-cita untuk membuka restoran sendiri dan menjadi seorang usahawan berjaya. Dia tidak menoleh ke belakang dan akhirnya dia telah diberikan kepercayaan oleh emaknya mengurus gerai itu. Kesungguhan Ratna menguruskan perniagaan keluarganya sehingga dia berjaya mencapai impiannya untuk menjadi ahli perniagaan membanggakan pembaca.	2
– Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Tauke Ong yang terpaksa merantau dari Ipoh ke Batu Pahat, Johor kerana semua tanah mendiang bapanya habis digadaikan oleh abangnya yang suka berjudi. Tauke Ong sekeluarga terpaksa memulakan kehidupannya ditempat baharu dalam keadaan yang sukar. Tauke Ong bekerja menoreh getah di kebun ayah Cikgu Zam dan meraih hasil penduduk kampung pada waktu petang. Berkat kerajinannya, Tauke Ong telah berjaya membeli sebidang tanah untuk dijadikan tapak rumah. Saya berasa gembira dan terharu akan usaha gigih Tauke Ong memberikan keselesaan kepada keluarganya.	2

	– Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Haiqal tetap dengan pendiriannya untuk pergi ke kampung ayahnya walaupun mendapat tentangan keras daripada uminya dan uminya menyatakan kepada Haiqal bahawa dia tidak akan memberinya wang saku walau satu sen pun ke sana. Namun, ketika Haiqal membuat persembahan zapin, ibunya, walid dan adik tirinya Siti Aishah hadir menyaksikan Haiqal membuat persembahan. Sikap umi yang akhirnya merestui minat Haiqal ini menggembirakan pembaca kerana hubungan yang renggang dapat dipulihkan semula.	2
	– Peristiwa yang menggembirakan saya ialah Peristiwa kesungguhan Ai Ling datang ke rumah Cikgu Zam setiap petang untuk belajar mengawal pernafasan selain perlukan konsentrasi ketika bersajak. Cikgu Zam mengajar Ai Ling cara mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul sehingga pukul 6.30 petang setiap hari. Akhirnya Ai Ling memenangi pertandingan mendeklamasikan puisi peringkat sekolah untuk murid-murid tahap satu. Saya berasa gembira dan bangga dengan usaha gigih Ai Ling sehingga berjaya dalam pertandingan tersebut.	2
	– Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Abdullah Kayan yang sanggup berpisah dengan isteri dan anaknya kerana kecintaannya terhadap sastera dan warisan budaya iaitu tarian zapin yang ada di kampungnya iaitu Sri Purnama Batu Pahat, Johor. Semasa di Batu Pahat, Abdullah Kayan telah berusaha mengembangkan seni tarian zapin. Beliau telah menghidupkan semula kumpulan zapin D’Purnama dan menubuhkan Aksara untuk mengembangkan kesusasteraan dalam kalangan masyarakat Kampung Seri Purnama. Pembaca berasa gembira serta bangga kerana Abdullah Kayan sanggup menghidupkan semula warisan budaya yang telah lama dipinggirkan. [Mana-mana peristiwa yang menggembirakan – diterima]	2

BAHAGIAN C: RUMUSAN [30 Markah]

Markah penuh dibahagikan kepada:

- (a) Isi – 20 markah
(b) Bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- Panduan mengira perkataan:
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
 - Nama khas
 - Perkataan berganda
 - Penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
- Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- Berikan **2 markah** bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bil. Isi	Bilangan Isi Diterima						Markah Maksimum
(i) Pendahuluan								2
(ii) Isi Bahan 1								
Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara)	4	4	3	3	2	2	1	16
Fokus 2 (Punca/Cabaran)	3	1	2	1	3	2	3	
(iii) Isi Bahan 2								
Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara)	1	1	1	1	1	1	1	
Fokus 2 (Punca/Cabaran)	1	1	1	1	1	1	1	
(iv) Isi Bahan 3								
Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara)	2	1	1	2	1	2	2	
Jumlah Isi	11	8	8	8	8	8	8	
(v) Penutup/Kesimpulan								2
Jumlah Markah								20

(b) Bahasa [10 markah]

Peringkat	Markah Bahasa	Huraian
Cemerlang	8 – 10	– Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik – Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. – Penggunaan kosa kata luas dan tepat – Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7	– Kesenambungan ayat baik – Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. – Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat – Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4	– Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik – Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu. – Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat – Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2	– Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan/kurang atau tidak difahami

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta, markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 *markah* dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 *markah* dan ke bawah tetapi bahasa sangat baik, markah maksimum bahasa ialah 5 *markah*.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 *markah* bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum: 10 markah]

Soalan 9
CADANGAN JAWAPAN

	PENDAHULUAN [2 markah]	Markah
P1	– Membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara dan halangan/masalah/kekangan/cabaran yang dihadapi untuk memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	2
P2	– Membincangkan langkah-langkah/ usaha-usaha/cara-cara dan faktor/punca/sebab rakyat tidak mahu bertutur dalam bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	2
P3	– Membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara untuk memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	1
P4	– Membincangkan faktor/punca/sebab rakyat tidak mahu bertutur dalam bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	1
P5	– Membincangkan halangan/kekangan yang dihadapi faktor/punca/sebab rakyat tidak mahu bertutur dalam bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	1

ISI [16 markah]

	Fokus 1 – Langkah-langkah/usaha-usaha/cara-cara untuk memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu	Markah
Bahan 1	A1 – Pelbagai pihak perlu mengadakan aktiviti bahasa Melayu	2
	A2 – Dewan Bahasa dan Pustaka telah menubuhkan Unit Khas Pelaksanaan Bahasa	2
	A3 – Kerajaan perlu melaksanakan pelbagai bentuk kempen kesedaran	2
	A4 – Para penulis hendaklah menghasilkan karya yang menjurus ke arah penggunaan bahasa kebangsaan yang gramatis	2
Bahan 2	B1 – Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan iklan	2
Bahan 3	C1 – Melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan	2
	C2 – Menghargai jasa tokoh bahasa	2

	Fokus 2 – Punca-punca bahasa Melayu tidak digunakan dengan betul/Cabaran-cabaran untuk memartabatkan bahasa Melayu	Markah
Bahan 1	D1 – Segelintir rakyat Malaysia yang malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu	2
	D2 – Masih terdapat anggota masyarakat yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu	2
	D3 – Lambakan penggunaan bahasa slanga dan tidak gramatis dalam laman media sosial	2
Bahan 2	E1 – Terdapat banyak kesalahan bahasa pada papan iklan	2

	PENUTUP [2 markah]	Markah
K1	Kesimpulannya, bahasa kebangsaan/bahasa Melayu hendaklah dimartabatkan supaya/agar kedudukannya terus terjamin/kukuh/terpelihara	2
K2	Semua pihak mestilah memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu supaya/agar kedudukannya terus terjamin/kukuh/terpelihara	2
K3	Semua pihak mestilah memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu di negara kita	1
	[Kesimpulan lain boleh diterima jika sesuai]	

SOALAN	CADANGAN ISI
Bahagian A	Kehendak Soalan: Pendapat tentang obesiti dalam kalangan masyarakat Malaysia. – Tiada format. – Calon perlu menghuraikan punca-punca yang menyebabkan obesiti seperti dalam stimulus: – Masalah kegemukan di Malaysia semakin parah akibat pemakanan yang tidak seimbang. – 57 peratus rakyat Malaysia tidak bersenam. – Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau sebagai contoh. – Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan langkah menangani masalah tersebut – Tanda seperti biasa – Sekiranya calon tidak menyentuh semua bahan – Maksimum peringkat Memuaskan PENDAHULUAN Dalam usaha Malaysia untuk menjadi negara maju, sedar atau tidak, kita berhadapan dengan masalah obesiti yang serius. Tak sungguh tak melata, jika tak sungguh orang tak kata kerana Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaporkan sebanyak 44.2 peratus dalam kalangan orang dewasa di negara ini memiliki BMI melebihi 25 kg/m². Populasi ini menunjukkan Malaysia sebagai negara paling obes di Asia Tenggara meninggalkan Thailand, Singapura dan Filipina yang hanya mencatatkan populasi antara 26.5 peratus hingga 32.2 peratus. ISI 1 Isu yang berseleleran bagai getah di lalang ini semestinya berpunca daripada sikap tidak mengamalkan pemakanan seimbang. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan mereka tidak merujuk piramid pemakanan sehingga menyebabkan 16.8 juta orang rakyat Malaysia mengalami obesiti. Situasi ini tidak akan berkesudahan sekiranya pengambilan nasi lemak, roti canai dan kari yang mengandungi kalori yang tinggi tidak dikawal. Jelaslah bahawa amalan pemakanan yang tidak seimbang menjadi faktor kepada masalah obesiti di negara ini. ISI 2 Selain itu, gaya hidup sihat tidak dipraktikkan oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Mereka lebih mementingkan kerjaya dan tidak cakna terhadap kesihatan sendiri. Walaupun pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan seperti cendawan tumbuh selepas hujan, masyarakat lebih suka memilih untuk bermalas-malasan dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika laporan mengesahkan bahawa 75 peratus rakyat Malaysia tidak bersenam dan situasi ini sangatlah membimbangkan. KESIMPULAN Sudah terang lagi mahu bersuluh, masalah obesiti dalam kalangan masyarakat Malaysia ini berpunca daripada sikap sesetengah individu itu sendiri. Oleh yang demikian, setiap rakyat seharusnya lebih peka terhadap kesihatan diri kerana malang itu tidak berbau. Mudah-mudahan visi kudsi yang direncanakan oleh pihak kerajaan untuk menjadikan rakyat negara kita sentiasa sihat dapat direalisasikan pada bila-bila masa sahaja.

SOALAN	CADANGAN ISI
Bahagian B Soalan 1	Fokus soalan: Peranan pelbagai pihak untuk mempopularkan lagu rakyat. – Sekiranya calon menghuraikan peranan pelbagai pihak untuk mempopularkan lagu rakyat – Layak Cemerlang – Sekiranya calon hanya menghuraikan satu peranan sahaja untuk mempopularkan lagu rakyat – Maksimum Baik – Sekiranya calon menghuraikan selain daripada peranan – Maksimum Penguasaan Minimum PENDAHULUAN Peredaran zaman bukan sahaja memberikan implikasi positif terhadap kemajuan teknologi di negara kita tetapi tempiasnya turut dialami oleh perkembangan muzik termasuklah dendangan lagu rakyat. Jika dahulu, lagu rakyat sering menjadi halwa telinga sama ada dalam majlis keramaian, ibu mendodoikan anak mahupun hiburan di corong-corong radio. Kemunculan pelbagai genre muzik baharu yang mendapat sentuhan daripada budaya Barat seolah-olah menyebabkan lagu-lagu tradisi itu semakin lapuk ditelan zaman. Meskipun begitu, fenomena ini tidak seharusnya dipandang sepi sebaliknya pelbagai pihak perlulah menggembleng tenaga bagi memastikan kemasyhurannya terus dinikmati oleh generasi muda. ISI 1 Sejajar dengan perkara di atas, pihak kerajaan perlulah menganjurkan kempen pelestarian lagu rakyat dengan melibatkan kerjasama daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana kempen yang melibatkan generasi muda termasuklah mahasiswa universiti awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta serta murid sekolah dapat memberikan pendedahan kepada mereka tentang keunikan lagu rakyat yang merupakan khazanah bernilai kepada negara kita. Sebagai tamsilannya, pihak kerajaan perlulah lebih kerap menganjurkan pertandingan muzikal, persembahan budaya dan tontonan secara percuma di institusi-institusi pendidikan. Usaha berkenaan sudah pasti mampu menyebabkan pelapis negara sentiasa menanamkan rasa sayang akan lagu rakyat kerana jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Jelaslah bahawa, kempen yang dinyatakan tersebut boleh menjadi antara solusi terbaik dalam mempopularkan semula lagu rakyat. ISI 2 Dari perspektif yang lain pula, ibu bapa hendaklah memegang mandat yang sama untuk mengajak anak-anak mereka ke konsert lagu rakyat yang dianjurkan oleh pihak kerajaan ataupun badan bukan kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa merupakan ejen yang paling ampuh untuk memastikan minat anak-anak mereka disemai sejak kecil seperti kata peribahasa Melayu, melentur buluh biarlah daripada rebungnya. Aktiviti penuh berfaedah ini juga boleh menjadi antara program cuti sekolah anak-anak berbanding hanya membiarkan mereka melepak dengan rakan-rakan sebaya dan melayari Internet tanpa batasan. Sebagai contoh, ibu bapa boleh mengajak anak-anak berkunjung ke konsert atau pementasan teater yang dipentaskan di Istana Budaya, Kuala Lumpur supaya mereka sedar tentang estetika lagu rakyat. Secara tidak langsung, anak-anak akan mendengar sekali gus menghayati bait-bait lirik yang didendangkan menerusi lagu rakyat.

ISI 3

Jika ditelusuri secara mendalam akan isu ini, **media massa juga perlulah lebih kerap memutarakan lagu-lagu rakyat** di kaca televisyen ataupun radio. Selain itu, penggiat-penggiat seni hendaklah memastikan genre irama Malaysia ini terus segar dan tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Mereka perlu berusaha untuk mencipta lagu-lagu rakyat baharu dengan elemen yang lebih segar dan bersesuaian dengan kehendak pasaran muzik terkini. Usahlah dibiarkan generasi muda terus hanyut dengan genre muzik yang berentak keras sehingga melenyapkan tujuan asal muzik itu, iaitu mendidik dan menasihati pendengar menerusi alunan melodi dan liriknya. Sebagai contoh, usaha yang dilakukan oleh legenda muzik tanah air, iaitu Datuk Zainal Abidin yang memberikan nafas baharu kepada lagu Oh Bulan, Suriram serta lagu Manis dan Orak Arek dalam sebuah konsert Lagu Rakyat di Istana Budaya pada April 2022. Jelaslah bahawa peranan penggiat seni dan media massa juga dilihat penting dalam usaha mempopularkan lagu rakyat pada masa ini.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, pelbagai pihak perlulah memainkan peranan yang penting dalam memastikan lagu rakyat terus mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia termasuklah generasi muda. Tanggungjawab ini tidak sepatutnya dipandang sambil lewa oleh semua pihak yang berkepentingan kerana khazanah bernilai ini perlu menjadi asas kepada kemajuan negara kita. Sikap menuding jari kepada pihak-pihak tertentu mestilah dihentikan sebaliknya setiap individu hendaklah memainkan peranan masing-masing untuk memastikan lagu rakyat terus duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam arena muzik tanah air. Usaha membentuk sinergi yang erat pastinya berupaya merealisasikan pandangan ilmuwan bahawa seni bukan sahaja untuk hiburan semata-mata tetapi sebagai asas kepada jati diri rakyat jelata.

Soalan 2

Fokus soalan: Manfaat-manfaat industri pelancongan kepada negara

- Sekiranya calon menghuraikan ketiga-tiga manfaat industri pelancongan kepada negara yang dinyatakan dalam stimulus – **Layak Cemerlang**
- Sekiranya calon hanya menghuraikan satu manfaat industri pelancongan kepada negara seperti yang dinyatakan dalam stimulus dan menambah isi lain – **Tanda seperti biasa**
- Sekiranya calon tidak menghuraikan mana-mana manfaat yang dinyatakan dalam stimulus – **Maksimum Baik**
- Sekiranya murid menghuraikan selain daripada manfaat – **Maksimum Penguasaan Minimum**

PENDAHULUAN

Peribahasa hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri sangat sinonim dengan keunikan yang dimiliki oleh negara kita. Selain mempunyai kepelbagaian budaya dan etnik, keunikan khazanah alam dan sektor pelancongan dilihat menjadi daya tarikan kepada pihak luar untuk datang ke negara bertuah ini. Menurut laporan carian platform percutian digital global, Agoda, negara kita muncul sebagai destinasi ketiga yang mempunyai carian tertinggi pelancong di Asia bersempena dengan sambutan Tahun Baharu Cina baru-baru ini selepas Jepun dan Thailand. Khabar gembira ini pastinya memberikan 1001 kebaikan kepada tanah air sementelah dunia bergelut dengan virus Covid-19 yang menyekat pergerakan pelancong sekali gus merencatkan perkembangan sektor berkenaan. Oleh yang demikian, apakah manfaat-manfaat sektor pelancongan ini kepada negara?

ISI 1

Sudah terang lagi mahu bersuluh, pastinya aktiviti pelancongan **dapat meningkatkan peluang pekerjaan** yang sekali gus mengurangkan peratusan pengangguran dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah kawasan yang menjadi tumpuan pelancong pastinya memerlukan tenaga kerja untuk melancarkan pengoperasian sektor berkenaan. Baik di kawasan bandar mahupun kawasan pedalaman, pusat peranginan akan menawarkan pelbagai pekerjaan yang bersesuaian. Sebagai contoh, hotel-hotel, chalet-chalet dan rumah inap memerlukan pekerja dalam bidang perkhidmatan bilik dan perkhidmatan penyediaan makanan. Oleh yang demikian, penduduk setempat tidak lagi mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan kerana situasi ini bersesuaian dengan peribahasa Melayu, di mana ada gula di situ ada semutnya. Jelaslah bahawa sektor pelancongan dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini.

ISI 2

Berbicara tentang skop yang sama, sektor pelancongan juga dilihat **memberikan kebaikan kepada sesebuah tempat itu kerana menjadi pemangkin pembangunan** yang pesat. Hal ini berpunca daripada aktiviti pelancongan yang menarik kehadiran banyak pengunjung akan menyebabkan pelbagai kemudahan awam ditambah baik dan dinaik taraf oleh pihak berkuasa tempatan. Pihak berkepentingan tersebut akan sentiasa cakna untuk membaik pulih kemudahan awam seperti tandas, jalan raya dan pusat perniagaan bagi memastikan persepsi orang luar sentiasa berada pada tahap yang baik. Mereka pastinya tidak mahu setiap pengunjung yang datang ke kawasan mereka menjadi seperti rumah sudah siap, pahat masih berbunyi dengan memberikan pandangan yang negatif kepada orang luar berkaitan keselesaan di sesuatu kawasan pelancongan itu. Oleh yang demikian, bagi mengelakkan daripada hal ini terjadi, setiap pihak yang bertanggungjawab baik dalam kalangan pengusaha pelancongan mahupun pihak berkuasa tempatan akan sentiasa memastikan keselesaan di sesuatu kawasan tersebut dijaga dengan baik.

ISI 3

Jika ditelusuri secara mendalam, aktiviti pelancongan juga **mampu menambahkan pendapatan negara** kepada satu tahap yang lebih mapan. Hal ini dikatakan demikian kerana kedatangan pelancong ke negara kita pastinya akan memberikan satu pulangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) termasuklah dalam subsektor yang lain seperti peruncitan, pengangkutan serta makanan dan minuman. Perkara ini boleh diambil contoh daripada kegemilangan sektor tersebut pada tahun 2019 apabila lebih RM86 bilion disumbangkan kepada KDNK menerusi kedatangan kira-kira 26.1 juta orang pelawat antarabangsa ke negara ini. Kesan daripadanya akan menyebabkan kemelut ekonomi yang dihadapi oleh negara menemui jalan keluar yang sekali gus turut memberikan manfaat kepada rakyat. Walau bagaimanapun, pada masa ini kerajaan terus berusaha untuk memulihkannya sementelah situasi pandemik menghantui seluruh negara dengan membuka kembali sempadan negara dan menerima pengunjung dari luar negara. Diharapkan obligasi daripada pihak kerajaan itu terus memberikan sinar baharu dan impak positif terhadap ekonomi negara.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, sektor pelancongan memang memberikan banyak manfaat kepada negara malahan dilihat sebagai salah satu aset terpenting kepada negara yang perlu dipelihara oleh kebanyakan pihak untuk kebaikan bersama. Justeru itu, semua pihak diharapkan dapat mengamalkan peribahasa Melayu, ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni bagi memastikan visi kudsi kerajaan untuk mengekalkan kegemilangan sektor pelancongan ini dapat direalisasikan. Hal ini dikatakan demikian kerana kita semua memegang mandat yang besar untuk mengekalkan khazanah alam yang dianugerahkan oleh Maha Pencipta kepada negara kita. Kita seharusnya berganding bahu untuk menyokong sektor pelancongan supaya kekal gagah di persada dunia sekali gus menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang wajib dilawati oleh seluruh rakyat baik dari dalam mahupun luar negara.

Soalan 3

Fokus soalan: Cara-cara mengatasi masalah generasi muda cetek pengetahuan dan kurang minat untuk menghayati sejarah tanah air.

- Sekiranya calon menghuraikan cara-cara mengatasi masalah generasi muda cetek pengetahuan dan kurang minat untuk menghayati sejarah tanah air – **Layak Cemerlang**
- Sekiranya calon hanya menghuraikan cara mengatasi masalah generasi muda cetek pengetahuan tentang sejarah tanah air – **Maksimum Baik**
- Sekiranya calon hanya menghuraikan cara mengatasi masalah generasi muda kurang minat untuk menghayati sejarah tanah air – **Maksimum Baik**
- Sekiranya murid menghuraikan selain daripada cara – **Maksimum Penguasaan Minimum**

PENDAHULUAN

Walaupun ledakan teknologi dan komunikasi pada masa ini bergerak seiring dengan kemajuan negara, namun banyak generasi muda dilihat semakin cetek pengetahuan mereka terhadap sejarah tanah air. Malahan, mereka didapati kurang berminat untuk menghayati sejarah sekali gus mengabaikannya. Hal ini dikatakan demikian kerana kemudahan teknologi dan komunikasi tersebut tidak digunakan dengan sebaiknya bahkan situasi ini persis kera mendapat bunga. Walhal, semua maklumat berkaitan sejarah tanah air sangat mudah diperoleh di hujung jari namun sikap acuh tidak acuh mereka menyebabkan permasalahan ini semakin membimbangkan banyak pihak. Tambahan pula, wujud anasir negatif yang mempengaruhi mereka sehinggakan jati diri dan pegangan terhadap perjuangan nenek moyang terdahulu semakin luntur dan terus dilupakan

ISI 1

Jika ditelusuri secara mendalam, isu ini memerlukan **usaha daripada guru-guru supaya mata pelajaran Sejarah disampaikan dengan cara yang menarik dan efektif**. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak generasi sekarang berasa bosan akan kaedah tradisional yang disampaikan oleh guru menyebabkan mereka juga tidak dapat menghadam fakta yang disampaikan dalam sesi pengajaran tersebut. Guru-guru hendaklah mengamalkan konsep serampang dua mata. Selain menyampaikan objektif pembelajaran, mereka hendaklah menimbulkan minat murid terhadap aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Sebagai contoh, para pendidik bolehlah memainkan peranan sebagai penglipur lara dan menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif supaya murid-murid tidak mengantuk ketika di dalam kelas. Pendekatan itu juga diyakini menjadi senjata paling ampuh untuk menajamkan ingatan generasi muda terhadap fakta-fakta sejarah tanah air.

ISI 2

Seterusnya, ibu bapa juga dilihat memainkan peranan yang penting dalam memastikan objektif yang dibincangkan ini tercapai. **Ibu bapa sebagai ejen utama untuk membawa anak-anak mengunjungi muzium-muzium** yang mempamerkan pelbagai fakta mengenai sejarah tanah air. Pada masa yang sama, aktiviti ini boleh dijadikan sebagai program cuti sekolah berbanding hanya membiarkan anak-anak mereka melepak dan melayari Internet tanpa kawalan. Bukan sekadar itu, ibu bapa boleh menceritakan pengalaman sedia ada mereka kepada anak-anak ketika masa lapang kerana menerusi pengetahuan ibu bapa itu, anak-anak akan berbangga dengan ilmu yang dimiliki oleh orang tua mereka. Walau bagaimanapun, aktiviti itu tidak perlu dijadikan sebagai satu ruangan yang serius malah elemen humor boleh diterapkan agar pembelajaran secara tidak langsung itu berjalan dengan keadaan yang menyeronokkan anak-anak. Sebagai contoh, ibu bapa mengajak anak-anak bermain teka-teki tentang nama-nama pejuang serta tarikh-tarikh penting yang berlaku di tanah air. Secara tidak langsung, kaedah ini dapat meningkatkan ilmu serta minat anak-anak terhadap sejarah negara.

ISI 3

Dari perspektif yang lain pula, **media massa hendaklah sentiasa menggunakan kelebihan yang ada pada mereka untuk menyiarkan maklumat-maklumat berkaitan sejarah** di kaca televisyen dan radio. Bukan itu sahaja, mereka boleh memuat naik poster dan video ringkas yang kreatif di media sosial seperti Facebook, Instagram dan Tiktok yang digunakan oleh generasi kini. Mereka juga boleh menjadikan pengaruh media sosial sebagai penyampai maklumat supaya fakta yang disampaikan lebih berbentuk santai. Selain itu, media massa bolehlah menganjurkan pelbagai pertandingan berkaitan sejarah negara dengan menawarkan hadiah yang lumayan. Dengan menjalinkan elemen yang segar mengikut cita rasa generasi muda, kaedah ini diyakini mampu untuk memberikan pengetahuan serta menimbulkan minat pelapis negara daripada terus melupakan sejarah negara.

KESIMPULAN

Ironinya, tidak dapat dinafikan bahawa banyak usaha yang boleh dilakukan oleh semua pihak bagi mengelakkan generasi muda daripada berterusan mempunyai ilmu yang cetek serta tidak meminati sejarah negara. Walau bagaimanapun, semua pihak perlulah berganding bahu ibarat berkuah sama menghirup, bersambal sama mencolek dalam memastikan generasi muda tidak menjadi seperti kacang melupakan kulit. Usaha ini perlu dipandang serius oleh semua pihak supaya sejarah negara tidak terus dilupakan kerana generasi mudalah yang bakal memimpin negara. Jangan pula nanti dek kerana melupakan sejarah, air yang diminum rasa duri, nasi dimakan rasa sekam akibat kedaulatan tanah air yang pernah diperjuangkan oleh nenek moyang terdahulu dirampas kembali oleh anasir luar yang tidak bertanggungjawab.

Soalan 4

Fokus soalan: Usaha-usaha untuk mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku

- Sekiranya calon menghuraikan usaha-usaha untuk mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku – **Layak Cemerlang**
- Sekiranya calon hanya menghuraikan hanya satu usaha untuk mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku – **Maksimum Baik**
- Sekiranya calon menghuraikan selain daripada usaha – **Maksimum Penguasaan Minimum**

PENDAHULUAN

Trend gaya kehidupan masyarakat yang serba moden dan terkejar-kejar dek masa pada masa ini menyebabkan banyak peniaga makanan beralih kepada satu lagi jenis perniagaan makanan yang berkonsepkan sejuk beku. Oleh sebab permintaan yang tinggi daripada pelanggan, peniaga-peniaga produk berkenaan dilihat seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Lebih-lebih lagi semenjak negara berdepan dengan pandemik Covid-19, permintaan terhadap produk ini dilihat semakin memberangsangkan dan mempunyai potensi yang besar dalam sektor perniagaan tanah air. Walau bagaimanapun, masih ada dalam kalangan pengusaha produk berkenaan yang belum arif tentang cara untuk mengembangkan produk berkenaan sehingga menyebabkan perniagaan mereka tidak mampu melangkah lebih jauh menembusi pasaran yang lebih besar.

ISI 1

Dalam usaha mengembangkan perniagaan sejuk beku, **peniaga-peniaga perlu lebih bijak menggunakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi** yang semakin pesat di negara ini. Mereka boleh menjadikan aplikasi sedia ada seperti Facebook, Instagram dan Tiktok sebagai platform memasarkan produk-produk berkenaan. Mereka perlu membuka mata dengan lebih luas dan menjadi peniaga yang kreatif untuk mengiklankan produk sejuk beku mereka hanya dengan menggunakan kemudahan-kemudahan di hujung jari kerana yang secupak tidak akan jadi segantang. Kesannya, perniagaan mereka bukan sahaja diketahui oleh pembeli berhampiran malah boleh menjangkau pembeli dari luar negeri yang dapat membuat pesanan menerusi pelbagai aplikasi dalam talian. Tambahan pula, pada era pascamodenisasi ini terdapat pelbagai perkhidmatan penghantaran yang efisien dengan menjamin kualiti produk yang diniagakan tersebut. Jelaslah bahawa, pemasaran produk sejuk beku menerusi dalam talian dapat mengembangkan potensi perniagaan ini.

ISI 2

Sejajar dengan topik yang dibincangkan ini, **pengusaha produk sejuk beku juga hendaklah bijak dalam merebut segala insentif** yang disediakan oleh pihak kerajaan. Hal ini demikian kerana kerajaan menerusi Kementerian Kewangan memperuntukkan geran bernilai berbilion ringgit dalam pembentangan belanjawan pada setiap tahun. Terdapat juga agensi seperti SME Corporation Malaysia (SME Corp) yang bertanggungjawab menyalurkan geran tersebut kepada peniaga-peniaga yang layak. Dengan menggunakan peruntukan tersebut, pengusaha-pengusaha boleh menambah baik strategi pemasaran dan meluaskan perniagaan mereka kepada satu tahap yang lebih maju berbanding sebelumnya. Sudah banyak peniaga yang berjaya dengan bantuan geran tersebut termasuklah peniaga dari Terengganu, Saiful Nizam Marzuki yang menghasilkan karipap dan kuih ropa secara sejuk beku. Kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini juga membolehkan peniaga di kawasan pedalaman mendapat manfaat yang sama.

ISI 3

Bukan itu sahaja, **pengusaha perniagaan tersebut juga hendaklah berani tampil menerusi jalinan kerjasama** bersama-sama pasar raya terkemuka di negara ini. Situasi ini samalah seperti peribahasa Melayu, jika takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai, maka jika pengusaha takut untuk berdepan dengan risiko, jangan sesekali masuk ke dalam dunia perniagaan. Sebagai contoh, mereka boleh memohon supaya produk yang dihasilkan itu dipasarkan di pasar-pasar raya yang ternama seperti Giant, Aeon dan Mydin.

Kaedah ini dilihat sangat berkesan kerana majoriti rakyat negara ini menjadikan pasar raya terkemuka ini sebagai platform membeli-belah pada setiap hari. Dalam usaha yang sama, pengusaha produk sejuk beku juga menjalankan kerjasama dengan pelbagai syarikat francais di kawasan berhampiran atau secara dalam talian. Jelaslah bahawa pendekatan mudah ini dilihat sangat berkesan untuk mengembangkan potensi perniagaan makanan sejuk beku.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, banyak usaha yang boleh dilakukan oleh pengusaha untuk mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku. Walau bagaimanapun, dalam menjalankan perusahaan ini, mereka tidak boleh mudah mengalah malah perlulah sentiasa positif dan mengamalkan pendekatan alah bisa tegal biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana kejayaan tidak akan datang kepada seseorang seperti yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang tanpa usaha yang gigih mengiringi perjalanan mereka. Oleh yang demikian, semua pengusaha diharapkan terus berfikir terbuka dalam mengembangkan perniagaan makanan sejuk beku ini kerana potensinya diramalkan akan melonjak naik berdasarkan trend kehidupan masyarakat yang kian berubah pada masa ini.

KERTAS 2

SOALAN	JAWAPAN	Markah
Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa Soalan 1 (Morfologi)	pedalaman	1
	– Jalan masuk menuju ke kampung yang terletak jauh di kawasan pedalaman itu tidak berturap dan amat lecah apabila hujan turun.	1
	pengeluaran	1
	– Pihak pengurusan syarikat tekstil yang terkemuka itu sentiasa mengawal pengeluaran produk terbaharu mereka supaya dapat menjamin kualiti dan memberikan kepuasan kepada pelanggan.	1
	memerlukan	1
	– Setiap mahasiswa memerlukan pengalaman latihan industri yang cukup sebelum mereka masuk ke dunia pekerjaan sebenar yang lebih mencabar.	1
Soalan 2 (Sintaksis)	berlebihan	1
	– Kanak-kanak perlu sentiasa diawasi agar tidak menggunakan gajet secara berlebihan walaupun ketika cuti sekolah untuk mengelakkan sebarang kesan negatif terhadap mereka.	1
	[Maksimum: 8 markah]	
	– Sarapan tidak gemar diambil oleh segelintir rakyat Malaysia.	2
	– Dengan bersarapan, pelbagai aktiviti harian dapat kita lakukan secara cekap dan efisien.	2
	– Sarapan perlulah anda ambil kerana nutrien yang secukupnya sangat perlu kepada tubuh badan.	2
	[Maksimum: 6 markah]	

Soalan 3 (Penyuntingan)	Salah	Betul	
	menghabiskan	meluangkan	1
	memperolehi	memperoleh	1
	kuat	bersungguh-sungguh	1
	bergantung kepada	bergantung pada	1
	hindar	menghindari	1
	kata semangat-kata semangat	kata-kata semangat	1
	golongan	pihak	1
	saling nasihat-menasihati	saling menasihati/nasihat-menasihati	1
	putus asa	berputus asa	1
	Antara tip-tip	Antara tip/ Tip-tip	1
	dihadapan	di hadapan	1
	kemushkilan	kemusykilan	1
[Maksimum: 11 markah]			
Soalan 4 (Bahasa Melayu Standard)	Baginda berfikir cara terbaik untuk mendamaikan Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja. Lalu baginda menyuruh pengawal memanggil Seri Nara Diraja; dia pun hadir. Maka Sultan Muzaffar Syah bertitah, “Mahukah Seri Nara Diraja berkahwin?” Seri Nara Diraja bersembah, “Jikalau Duli Yang Dipertuan memberi kebenaran, baiklah, tuanku.” Baginda bertitah, “Mahukah Seri Nara Diraja mengahwini Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?” [Maksimum: 6 markah]		6
Soalan 5 (Peribahasa)	– Seperti kera mendapat bunga/Bagai enau di dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing – Melentur buluh biarlah daripada rebungunya [Maksimum: 4 markah]		2 2
Bahagian B: Pemahaman	(i) Menyuburkan pekerti/perangai/watak		2
Soalan 6 (Petikan Umum)	(ii) Langkah-langkah untuk memupuk amalan membaca:		
	Bahan 1 – Ibu bapa mesti menjadi suri teladan dalam membudayakan amalan ini. Selain itu, ibu bapa perlu membelikan buku untuk anak-anak atau membawa anak-anak ke perpustakaan.		1
	Bahan 2 – Pihak swasta mengambil inisiatif dengan memperkenalkan potongan harga sebanyak 50 peratus kepada pembeli yang berstatus murid atau mahasiswa untuk membeli buku. Selain itu, pihak kerajaan turut menganjurkan pelbagai kempen membaca.		1
	[Isi cukup: 2] [Markah bahasa : 1 markah]		
	(iii) Kepentingan-kepentingan membaca:		
	– Membaca dapat menjadikan seseorang berilmu pengetahuan.		1
	– Membaca dapat melahirkan masyarakat yang berjaya dalam kehidupan.		1
	– Membaca dapat mengelakkan masyarakat daripada melakukan perkara-perkara negatif.		1

	– Membaca dapat menjadikan negara semakin maju kerana lebih banyak golongan bijak pandai. [Isi cukup: 2] [Markah bahasa : 1 markah]	1
	(iv) Sebagai guru pusat sumber, peranan saya untuk menarik minat murid mengunjungi pusat sumber ialah – Saya akan mengadakan kempen ‘Jom Membaca’ dalam kalangan murid sekolah. – Saya akan menganjurkan pertandingan nilam dan menawarkan hadiah yang lumayan kepada pemenang. – Saya akan menyediakan pelbagai kemudahan di pusat sumber seperti komputer riba, kemudahan Internet dan ruang yang kondusif. – Saya akan menetapkan jadual nilam kepada semua guru supaya membawa murid hadir ke pusat sumber sekolah. [Isi cukup: 3] [Markah bahasa : 1 markah]	2 2 2 2 2
Soalan 7 (Petikan Sastera)	(i) Saranan kepada murid agar mencari guru yang mahir tentang muslihat musuh. (ii) Jasa-jasa seorang guru ialah Bahan 1 – Guru merupakan orang yang baik dan mengambil berat. Selain itu guru sentiasa menjadi pakar rujuk dan tempat berkongsi masalah. Bahan 3 – Guru mengajar ilmu pengetahuan kepada anak-anak murid. Selain itu guru memberikan nasihat pada setiap waktu. [Isi cukup: 2] [Markah bahasa : 1 markah] (iii) Tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh murid untuk membalas jasa pihak sekolah ialah – Murid hendaklah sentiasa mematuhi peraturan sekolah yang telah ditetapkan. – Murid hendaklah mengharumkan nama sekolah dalam pelbagai pertandingan. – Murid hendaklah menjaga nama baik sekolah dengan tidak melakukan perkara negatif sama ada di dalam mahupun di luar kawasan sekolah. – Selepas mencapai kejayaan, murid boleh datang semula ke sekolah untuk memberikan pelbagai sumbangan sama ada dalam bentuk wang ringgit ataupun perkongsian. [Isi cukup: 3] [Markah bahasa : 1 markah] (iv) Sebagai sahabat yang prihatin, saya akan – membawanya berjumpa dengan guru kaunseling untuk menyelesaikan masalahnya itu. – meminta kebenaran daripada pihak sekolah untuk mengutip sumbangan bagi meringankan beban sahabat saya itu. – menasihatinya untuk terus bersekolah supaya dia jelas tentang kepentingan ilmu demi masa hadapan. – menghadiahkan kelengkapan sekolah kepadanya. [Isi cukup: 3] [Markah bahasa : 1 markah]	2 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan 8
(Novel)

- (i) Pembahagian tugas dalam syarikat Tajau Emas yang disarankan oleh Waheeda ialah
- Ayahnya menjadi pemandu pelancong, 1
 - Ibunya sebagai pengurus dapur. 1
 - Emak saudaranya sebagai ketua tukang masak dan yang lain di belakang tabir. 1
 - Fatimah menjadi akauntan bagi menjaga kewangan syarikat Tajau Emas. 1

[Isi cukup: 3]

[Markah bahasa : 1 markah]

- (ii) Dua peristiwa yang dapat menimbulkan keinsafan kepada pembaca:

(a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib*

- Peristiwa Adnan yang sentiasa mempunyai semangat pahlawan dalam dirinya meskipun banyak askar yang telah terkorban. Dalam kejadian itu, Adnan mengalami kecederaan yang sangat parah namun beliau tidak mahu mengalah dan berundur. Setelah bergelut dengan situasi yang mencemaskan, Adnan dibunuh di bawah pokok ceri dengan menggunakan bayonet. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana Adnan sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk mempertahankan negara. 3
- Peristiwa Lebai Pian yang mencadangkan sesuatu berbaur hasutan supaya keluarga Pak Saidi dihalau keluar dari Kampung Sungai Ramal jika terus menghantar anak-anaknya ke Sekolah Inggeris. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai penduduk kampung, kita tidak sepatutnya mempunyai hasad dengki terhadap orang lain terutamanya dalam usaha mencari ilmu. 3

(b) *Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor*

- Peristiwa Farisha yang masih bayi menjadi uji kaji ayahnya. Ayahnya, Karl, menanam implan ke dalam tubuh Farisha semata-mata untuk menjadikan anaknya itu genius pada masa akan datang. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai bapa, Karl tidak sepatutnya bertindak sebegitu semata-mata untuk mencapai matlamat dirinya. 3
- Peristiwa Azraai yang memasang *retinal scanner* pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha, untuk melindungi gadis itu daripada sebarang perkara yang tidak diingini. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana di luar sana masih ada adik-beradik yang sering bergaduh hanya disebabkan perkara yang kecil sedangkan kedua-dua watak ini menunjukkan contoh terbaik dan perlu diteladani. 3

(c) *Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin*

- Peristiwa Lili tidak membantah permintaan ibunya supaya dia pulang ke kampung halaman di Dungun, Terengganu pada cuti sekolah. Walaupun Lili sudah mempunyai rancangan sendiri bersama-sama rakannya yang lain, tetapi Lili tetap akur akan permintaan ibunya itu. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai anak, kita hendaklah sentiasa menunaikan permintaan ibu sebelum sesuatu perkara tidak diingini berlaku. 3

– Peristiwa Seman yang sering memukul dan mendera isteri dan anak-anaknya. Seman digambarkan sebagai lelaki kaki pukul, kaki judi, kaki botol dan kaki perempuan. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana golongan wanita dan kanak-kanak tidak wajar dilayan sedemikian rupa kerana mereka golongan yang sepatutnya dilindungi.	3
(d) <i>Pantai Kasih karya Azmah Nordin</i> – Peristiwa Sister Felicia yang memberikan layanan buruk kepada salah seorang ibu pesakit. Sister Felicia dengan kasarnya memanggil ibu Unong Siron dengan panggilan ‘sapi tua’. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai penjawat awam, Sister Felicia sepatutnya mengamalkan etika profesionalisme ketika berhadapan dengan orang awam walaupun sedang menghadapi masalah. – Peristiwa Dr. Sadiz mengarahkan isterinya, Dr. Raiha menggugurkan kandungannya kerana bayi yang bakal lahir itu didapati OKU. Dr. Sadiz berasa malu akan keadaan anaknya dan bimbang jika masyarakat memandang serong terhadap mereka. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana setiap ibu bapa perlulah reda akan amanah yang diberikan oleh Allah dan perlulah menjaga amanah tersebut dengan baik.	3
(e) <i>Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip</i> – Peristiwa Saleha pulih daripada penyakit kemurungannya selepas mendapatkan rawatan di Hospital Permai. Semasa menghidap penyakitnya itu, Saleha digambarkan sebagai orang yang bergelut dengan emosi diri sendiri dan menghadapi situasi yang sukar. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana kesukaran melalui detik-detik diri menghidapi penyakit itu memerlukan sikap positif yang sangat tinggi daripada pesakit itu sendiri. – Peristiwa penduduk kampung yang berganding bahu membina rumah Embong semula yang telah musnah akibat dihanyutkan oleh banjir. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana pada masa sekarang nilai kemanusiaan dalam kalangan masyarakat sudah sukar dilihat dan nilai murni ini perlulah dicontohi oleh masyarakat di luar sana.	3
(f) <i>Tirani karya Beb Sabariah</i> – Peristiwa zaman kanak-kanak Waheeda yang sering dicemuh kerana memiliki wajah yang tidak menarik. Walau bagaimanapun, keadaannya berubah sehinggalah dia memenangi pertandingan Ratu Pelancongan Antarabangsa. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana kita tidak sepatutnya memandang rendah terhadap kekurangan orang lain. – Peristiwa Waheeda mendapatkan rawatan penyakit kemurungan di Pusat Rawatan Islam. Rawatan itu ditemani oleh ahli keluarganya. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kerana dia masih menerima sokongan moral daripada ahli keluarga dalam menghadapi keadaan yang sukar itu.	3
(g) <i>Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop</i> – Peristiwa Johan Arlingtod yang diganggu ketika sesi pembentangan terbuka projek yang diusahakan oleh Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik.	3

	Disebabkan dendam dan sikap tamak untuk menguasai tender perniagaan, mereka sanggup berbuat apa-apa sahaja. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca supaya tidak melakukan perkara yang sama kerana perkara buruk akan menimpa orang yang berdendam. – Peristiwa Nurul Hafsa yang dijadikan umpan untuk menculik Muhammad Taufik sehingga berlakunya kejadian penculikan oleh sekumpulan penjahat. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca supaya tidak menjalankan kegiatan negatif seperti penculikan kerana dapat menjejaskan pelbagai pihak.	3
	(h) Silir Daksina karya Nizar Parman – Peristiwa Haiqal tidak dibenarkan oleh uminya untuk melawati ayahnya yang berada di Kampung Sri Purnama, Batu Pahat. Walaupun Haiqal hanya sempat bertemu dengan ayahnya ketika dia berada dalam darjah enam, Haiqal tetap dilarang berjumpa dengan ayahnya itu disebabkan oleh dendam uminya. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai ibu yang berhati lembut, dia tidak sepatutnya menghalang hubungan antara ayah dengan anak. – Peristiwa umi, Walid dan adik tiri Haiqal datang semasa persembahan tarian zapin oleh Haiqal di Batu Pahat. Walaupun umi tidak membenarkan Haiqal ke Batu Pahat, tetapi akhirnya dia memberikan restu dengan cara menyaksikan sendiri persembahan tersebut. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana ibu seharusnya menyokong tindak-tanduk anaknya lebih-lebih lagi perkara itu adalah sesuatu yang berfaedah.	3
Bahagian C: Rumusan	PENDAHULUAN	
	– Rumusan membincangkan kesan-kesan/akibat-akibat stres dan tindakan-tindakan/cara-cara menghadapi stres.	2
	– Rumusan membincangkan kesan-kesan/akibat-akibat stres atau tekanan.	2
Soalan 9 (Rumusan)	ISI-ISI	
	Bahan 1 (F1) – Kesan stres	
	– Seseorang yang menghadapi stres, akan kurang minat terhadap aktiviti harian.	2
	– Seseorang itu akan mengalami penurunan kekuatan mental semasa menghadapi perasaan kebingungan.	2
	– Kurang tumpuan dan fokus dalam pekerjaan.	2
	Bahan 1 (F2) – Cara menghadapi stres	
	– Stres boleh dikawal secara sendiri, melalui bantuan ahli keluarga atau rakan-rakan.	2
	– Seseorang individu juga seharusnya menerima kenyataan bahawa dia sedang mengalami stres.	2
	– Bawalah bertenang semasa menghadapi tekanan tersebut dan reda dengan kenyataan yang dihadapi.	2
	– Mempelajari kaedah pengurusan stres yang berkesan.	2
	– Seseorang itu boleh mencari maklumat berkaitan pengurusan stres melalui media sosial.	2
	– Berjumpalah dengan pakar untuk mendapatkan bantuan profesional.	2
	Bahan 2 (F1) – Kesan stres	
	– Perasaan sedih yang berpanjangan.	2
	– Kemurungan yang didiagnosis secara klinikal bukan perasaan sedih yang biasa sehingga menjejaskan fungsi harian seseorang individu seperti sukar memberikan tumpuan terhadap tugas, keluarga dan aktiviti kemasyarakatan.	2

	– Berat badan merosot dalam waktu yang singkat kerana perubahan selera makan.	2
	– Kesukaran untuk tidur lantaran memikirkan pelbagai masalah.	2
	Bahan 3 (F2) – Cara menghadapi stres	
	– Perlu bersenam.	2
	– Pelajarilah cara berfikir positif.	2
	KESIMPULAN	
	Kesimpulannya, pengurusan stres perlulah diberikan penekanan oleh penghidapnya supaya penyakit ini dapat diatasi dengan segera.	2

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022

KERTAS 1

SOALAN	CADANGAN ISI
Bahagian A	PENDAHULUAN Amalan menabung merupakan aktiviti menyimpan wang ke dalam tabung – Sikap mulia ini boleh dilakukan secara fizikal atau perbankan Internet – Setiap peranan termasuklah individu, ibu bapa dan pihak sekolah perlu menyemai amalan mulia ini dalam kalangan masyarakat – Banyak faedah yang boleh diperolehi daripadanya kerana sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit. ISI 1 Simpanan untuk dana kecemasan – Malang tidak berbau. Setiap orang berisiko menghadapi keadaan yang tidak terduga. – Sebagai contoh, wang boleh digunakan untuk kos membaiki kereta, menampung kehidupan semasa seseorang kehilangan kerja secara tiba-tiba atau kos perubatan yang tinggi. – Jelaslah bahawa amalan menabung dapat menjadi simpanan untuk dana kecemasan. – Sudah terhantuk baru tengadah. ISI2 Menabung dapat menjamin masa depan. – Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Setiap daripada generasi muda perlulah bersedia dari segi kewangan untuk menyambung pelajaran di menara gading. – Simpanan boleh digunakan untuk membiayai pengajian dan menampung kos di bandar tanpa menyusahkan ibu bapa – Sesuai dengan slogan tabungan pendidikan, tabungan masa depan. KESIMPULAN Amalan menabung mempunyai pelbagai kebaikan kepada diri masyarakat. – Didikan terhadap kanak-kanak mestilah bermula dari usia muda. – Melentur buluh biarlah dari rebungunya. – Amalan ini dapat membentuk disiplin aset negara masa depan. – Berbelanjalah mengikut kesesuaian persis peribahasa ukur baju di badan sendiri.
Bahagian B	PENDAHULUAN Kewujudan pelbagai gajet dan teknologi terkini, sukan rakyat dilihat sudah tidak diminati oleh rakyat terutamanya generasi muda. – Walaupun hanya memerlukan kos yang rendah untuk bermain sukan rakyat, masyarakat kita lebih memilih permainan moden seperti e-sukan. – Pelbagai pihak perlu berganding bahu untuk mempopularkannya bagi mengekalkan identiti negara ini. – Banyak kelebihan yang boleh dimiliki daripadanya sama ada dari aspek budaya, sektor pelancongan dan ekonomi.

ISI 1

Langkah mempopularkan sukan rakyat mampu memastikan tradisi tersebut tidak ditelan zaman. – Ramai generasi muda sudah tidak mengenali sukan rakyat seperti chapteh, tujuh selipar, kabadi, dan pelbagai permainan sukan rakyat yang terkenal suatu ketika dahulu. – Menerusi festival yang dijalankan secara besar-besaran dan menyasarkannya kepada generasi muda, usaha tersebut dapat memperkenalkan sukan tradisi itu kembali. – Biar mati anak jangan mati adat.

ISI 2

Usaha menyemarakkan sukan rakyat juga mampu menjadi daya tarikan pelancongan. – Sukan rakyat ini merupakan khazanah tidak ternilai kepada negara kita yang sukar ditemui di negara luar. – Pelancong akan memilih negara Malaysia apabila mengetahui terdapat keunikan – Permainan boleh dipopularkan menerusi Program Tahun Melawat Malaysia yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. – Pelancong menjadikan permainan gasing, galah panjang dan timbang bola sebagai aktiviti pelancongan.

ISI 3

Langkah mempopularkan sukan rakyat juga membuka jalan kepada penggiat industri untuk menjana pendapatan. – Lebih banyak produk berasaskan sukan rakyat dapat dihasilkan menerusi Industri Kecil dan Sederhana (IKS). – Produk yang dihasilkan bukan sahaja boleh dijual secara tempatan malah berpotensi menembusi pasaran antarabangsa. – Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu.

KESIMPULAN

Usaha yang digagaskan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk mempopularkan sektor permainan ini sememangnya banyak memberi faedah kepada masyarakat dan negara. – Perlu mendapat sokongan daripada masyarakat tanpa mengira pangkat dan usia. – Tanpa mengetepikan arus kemodenan pada masa ini, sukan rakyat juga sepatutnya dibanggakan oleh pelbagai pihak. – Yang lama dikelek, yang baharu didukung.

Soalan 2

PENDAHULUAN

Keyakinan diri dan sikap merendah diri dalam kalangan murid merupakan antara sebab mereka gagal untuk menjadi cemerlang. – Walaupun berada di kelas paling baik di sekolah, sikap tersebut dilihat membantutkan potensi yang ada dalam diri. – Murid akan sentiasa berasa terancam dengan kelebihan rakan-rakan mereka, malu bertanya kepada guru dan gagal untuk menghasilkan keputusan yang terbaik. – Justeru, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah berkenaan.

ISI 1

Peranan rakan sebaya untuk membantu murid-murid sentiasa bermotivasi – Kajian mendapati pengaruh rakan sebaya mampu mengubah sikap seseorang remaja. – Menyokong murid yang tidak yakin itu untuk membuat pembentangan di dalam kelas, meminta mereka untuk mengutarakan pendapat sementara rakan yang lain sentiasa menunjukkan respons yang positif serta menggalakkan mereka untuk menjadi ketua dalam sesebuah perbincangan kumpulan. – Perubahan sikap boleh berlaku dari semasa ke semasa.

ISI 2

Kaunselor sekolah hendaklah melaksanakan program berfokus kepada murid-murid yang dikenal pasti. – Sentuhan kaunselor sebagai individu yang paling layak akan memberikan implikasi positif kepada perubahan tingkah laku mereka. – Sentiasa memberikan contoh tentang kejayaan tokoh-tokoh pelbagai bidang dan memulihkan semangat mereka untuk terus menuntut ilmu. – Kesannya, murid-murid berkenaan lebih mengenali potensi diri

	sendiri dan sentiasa mencari peluang yang ada di hadapan mereka termasuklah dari aspek akademik. ISI 3 Ibu bapa turut memainkan peranan untuk mendedahkan anak-anak mereka dengan ilmu psikologi yang baik. – Remaja sangat memerlukan sentuhan daripada ibu bapa walaupun bukan dalam keadaan yang formal. – Sentiasa berbual tentang cara meningkatkan keyakinan diri, menonton video-video yang memberikan inspirasi serta mengajak anak-anak mereka melakukan aktiviti di luar rumah. – Murid berkenaan akan lebih mempunyai pemikiran yang terbuka dan matang serta boleh mengaplikasikannya dalam bidang akademik KESIMPULAN Banyak usaha yang boleh dilakukan untuk membantu murid-murid yang tidak berkeyakinan dan terlalu merendah diri. – Untuk menyerlahkan potensi mereka dalam bidang akademik dan interpersonal. – Akan turut mampu melahirkan generasi yang hebat pada masa hadapan kerana bijak mengawal emosi dalam apa-apa juga keadaan. – Murid merupakan tiang negara dan pewaris bangsa.
Soalan 3	PENDAHULUAN Perbuatan vandalisme merupakan aktiviti yang tidak sihat – Sering dipaparkan di media sosial namun seolah-olah tidak menemukan jalan penyelesaiannya. – Penularan virus tersebut sangat membimbangkan masyarakat kerana berlaku di kawasan awam dan institusi pendidikan. – Apakah faktor-faktor berlakunya aktiviti tersebut? ISI 1 Pelaku kurang didikan agama dan moral – Daripada didikan agama dan moral yang membolehkan masyarakat berfikir secara rasional. – Membuat pertimbangan antara kaca dan permata. – Sebagai contoh dalam mana-mana agama pun diajarkan untuk setiap orang melakukan perkara yang baik. – Melambangkan seseorang itu memiliki tamadun dan jati diri yang kuat. – Jelaslah bahawa didikan agama dan moral sangat penting kepada diri masyarakat untuk mengelakkan mereka berbuat perkara negatif dan terlarang. ISI 2 Terpengaruh dengan perbuatan rakan-rakan – Hasil kajian mendapati golongan remaja mudah terpengaruh dengan perbuatan rakan-rakan sebaya. – Mudah terikut-ikut sama ada perkara yang positif mahupun sebaliknya. – Banyak masa yang dihabiskan bersama-sama rakan baik di sekolah mahupun selepas waktu persekolahan. – Tiada kawalan daripada ibu bapa mahupun penjaga yang lebih dewasa. – Bersahabat dengan penjual minyak wangi, kita akan menerima percikan wanginya, manakala bersahabat dengan tukang besi, percikan apinya akan mencarikkan baju kita. ISI 3 Sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling. – Ada segelintir masyarakat yang tidak mengendahkan pelakuan negatif pesalah vandalisme. – Mereka takut ataupun tidak mahu ambil peduli kerana barangan yang dirosakkan itu ialah kemudahan awam. – Sedangkan pelbagai kempen kesedaran telah disebarkan bagi membolehkan masyarakat melaporkan sebarang kelakuan sumbang itu kepada pihak berkuasa tempatan. – Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing.

	KESIMPULAN Banyak lagi faktor yang menyebabkan aktiviti vandalisme tidak berkesudahan sehingga hari ini. – Setiap daripada masyarakat menggalas amanah yang besar untuk memastikan kemudahan awam terjaga – Jangan menjadi seperti kera mendapat bunga yang tidak menghargai kemudahan yang ada di sekeliling kita. – Vandalisme menunjukkan mentaliti masyarakat masih rendah dan memburukkan nama baik negara. – Setiap masyarakat perlu menggembelng tenaga bagi memastikan negara mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju di luar sana.
Soalan 4	PENDAHULUAN Bencana alam merupakan tragedi di luar kawalan manusia – boleh mengakibatkan pelbagai kehancuran serta kerosakan. – Berlaku di pelbagai negara namun kita hanya mampu membaca laporan yang dipaparkan di media sosial. – Sebenarnya banyak bantuan yang boleh disalurkan seperti menerusi Misi Bantuan dan Kemanusiaan di bawah kelolaan NADMA. – Mengikut amalan terbaik di peringkat serantau dan antarabangsa. ISI 1 Bantuan perubatan dan kesihatan – Selepas bencana melanda, rakyat negara berkenaan pastinya memerlukan bantuan perubatan – ramai penduduknya akan menderita dengan pelbagai penyakit dan kecemasan. – Negara boleh menghantar pakar-pakar perubatan tempatan untuk membantu meringankan beban penduduk yang terkesan. – Untuk mengelakkan banyak lagi nyawa yang terkorban akibat tidak mendapat rawatan yang sepatutnya. ISI 2 Bantuan makanan dan keperluan asas – Mangsa terputus bekalan makanan dan banyak keperluan asas yang musnah. – Gerakan misi kutipan dalam kalangan rakyat tempatan boleh dilancarkan untuk menghantar makanan dan keperluan asas ke negara berkenaan. – Menerusi NADMA dan saluran yang betul supaya bantuan benar-benar sampai. ISI 3 Bantuan kepakaran pembinaan dan infrastruktur – Bangunan dan banyak infrastruktur musnah akibat bencana yang berlaku. – Kepakaran yang dimiliki negara dapat disalurkan untuk mempercepat proses pembaikan. – Sebagai contoh pembinaan kediaman, sekolah bangunan pentadbiran perlu disegerakan untuk mengelakkan pelbagai lagi sektor terbantut. – Bantuan ini dapat melancarkan operasi pembaikan dari pelbagai aspek termasuklah ekonomi. KESIMPULAN Bantuan-bantuan yang disalurkan mampu memberi kelegaan kepada negara yang terjejas. – Jika tidak mampu untuk menghulurkan dalam bentuk wang ringgit, rakyat boleh menyalurkan dalam bentuk yang lain seperti pakaian terpakai. – Hulurkan tangan ringankan beban – Berat sama dipikul ringan sama dijinjing.

KERTAS 2

SOALAN	JAWAPAN	Markah
Bahagian A: Sistem dan Aplikasi Bahasa	penghasilan – Cikgu Zainab sentiasa mencungkil bakat murid-muridnya dalam penghasilan puisi menerusi aktiviti yang dijalankan di dalam kelas.	1 1
Soalan 1 (Morfologi)	pembuatan – Proses pembuatan produk baharu daripada syarikat ternama itu memerlukan kepakaran dari luar negara bagi memastikan kualitinya terjamin.	1 1

	pemprosesan – Ahmad berasa sungguh kagum ketika melihat pemprosesan minyak masak yang dihasilkan daripada kelapa sawit yang disiarkan di kaca televisyen. pengawetan – Kaedah pengawetan bertujuan memastikan sesuatu makanan itu boleh bertahan dalam tempoh yang lebih lama. [Maksimum: 8 markah]	1 1 1 1																														
Soalan 2 (Sintaksis)	– Sudah menjadi sebahagian daripada forum komunikasi dalam kalangan masyarakat, rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter. – Perlu berhati-hati ketika menulis isu berkaitan pekerjaan dalam media sosial, mereka. – Seharusnya bertanggungjawab untuk menulis isu yang positif sahaja, semua pekerja yang menggunakan media sosial. [Maksimum: 6 markah]	2 2 2																														
Soalan 3 (Penyuntingan)	Bahan 1 <table><tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr><tr><td>cepat</td><td>segera</td></tr><tr><td>hari</td><td>harian</td></tr><tr><td>Warga negara</td><td>Warganegara</td></tr><tr><td>berdisplin</td><td>berdisiplin</td></tr><tr><td>Emelkan</td><td>E-melkan</td></tr><tr><td>ke:</td><td>kepada:</td></tr></table> [Maksimum: 5 markah] Bahan 2 <table><tr><th>Salah</th><th>Betul</th></tr><tr><td>juruterbang terima</td><td>diterima oleh juruterbang</td></tr><tr><td>mukabumi</td><td>muka bumi</td></tr><tr><td>berbagai</td><td>berbagai-bagai / pelbagai</td></tr><tr><td>stesyen</td><td>stesen</td></tr><tr><td>tempoh masa</td><td>tempoh / masa</td></tr><tr><td>dalam</td><td>dengan</td></tr><tr><td>tidak tertentu</td><td>tidak menentu</td></tr></table> [Maksimum: 6 markah]	Salah	Betul	cepat	segera	hari	harian	Warga negara	Warganegara	berdisplin	berdisiplin	Emelkan	E-melkan	ke:	kepada:	Salah	Betul	juruterbang terima	diterima oleh juruterbang	mukabumi	muka bumi	berbagai	berbagai-bagai / pelbagai	stesyen	stesen	tempoh masa	tempoh / masa	dalam	dengan	tidak tertentu	tidak menentu	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1
Salah	Betul																															
cepat	segera																															
hari	harian																															
Warga negara	Warganegara																															
berdisplin	berdisiplin																															
Emelkan	E-melkan																															
ke:	kepada:																															
Salah	Betul																															
juruterbang terima	diterima oleh juruterbang																															
mukabumi	muka bumi																															
berbagai	berbagai-bagai / pelbagai																															
stesyen	stesen																															
tempoh masa	tempoh / masa																															
dalam	dengan																															
tidak tertentu	tidak menentu																															
Soalan 4 (Bahasa Melayu Standard)	Sementara itu Kertala Sari sudah pulang dari Daha, dia telah memperoleh banyak harta berupa emas dan perak serta pakaian dan wang bernilai puluhan juta hasil daripada aktiviti pencuriannya. Kemudian Kertala Sari pulang ke rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke manakah pergi bapaku kerana tidak kelihatan dari tadi?” [Maksimum: 4 markah]	4																														
Soalan 5 (Peribahasa)	Bagai aur dengan tebing – Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat – Ke bukit sama di daki, ke lurah sama dituruni – Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah – Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing – Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai	2																														

SOALAN	JAWAPAN	Markah
Soalan 7 (Petikan Sastera)	(i) Berdasarkan Bahan 1 , perkara yang dilarang oleh Tuk Wali: – Pokok yang sedang berbunga atau berbuah tidak boleh ditebang. – Pokok yang saiznya lebih kecil daripada jari hantu tidak boleh disentuh [Isi cukup: 2] [Markah bahasa : 1 markah]	1 1
	(ii) Tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar: Bahan 1 – Masuk hutan dengan menggunakan traktor – Menjalankan aktiviti pembalakan di dalam hutan – Mencabut benih-benih pokok Bahan 2 – Membuang sampah merata-rata – Pembakaran terbuka – Penerokaan hutan tanpa kawalan – Pemburuan haiwan tanpa lesen – Pembangunan yang menyebabkan bukit bukau ditarah [Isi cukup: 2] [Markah bahasa : 1 markah]	1 1 1 1 1 1 1
	(iii) Halangan untuk menjamin kelestarian atau pengekalan keaslian alam sekitar: P1 – Kos pengurusan yang tinggi P2 – Kelemahan sistem pendidikan negara yang tidak berjaya menimbulkan kesedaran kepada masyarakat P3 – Penguatkuasaan undang-undang yang masih lemah P4 – Sikap mementingkan diri pemaju dan pihak yang tidak bertanggungjawab [Isi cukup: 2] [Markah bahasa : 1 markah]	1 1 1 1
	(iv) Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, cadangan segera yang saya akan lakukan agar kebakaran tidak terus merebak: P1 – Menghubungi pihak berkuasa seperti bomba untuk memadamkan kebakaran. P2 – Sementara menunggu ketibaan bomba, gunakan tanah atau dahan hijau untuk menghalang api daripada terus merebak. P3 – Beredar dari situ untuk mengelakkan sebarang kemalangan yang tidak diingini. [Isi cukup: 3] [Markah bahasa : 1 markah]	1 1 1
Soalan 8 (Novel)	(i) Kelebihan-kelebihan yang ada pada Karl – Pernah memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan. – Pernah ditemu ramah oleh pihak media. – Sering diundang untuk acara-acara berkaitan sains dan teknologi inovasi. – Merupakan seorang penyelidik dan pencipta. [Isi cukup: 3] [Markah bahasa : 1 markah] (ii) Satu peristiwa yang dapat diteladani pembaca (a) <i>Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib</i> – Peristiwa Leftenan Renya Mutuguchi mengambil bayonet lalu menikam perut Leftenan Adnan. Kemudian, seorang demi seorang tentera Jepun	1 1 1 1 3

– mengambil giliran untuk menikam tubuh Leftenan Adnan. Jeneral A.E. Peristiwa ini dapat diteladani pembaca kerana babak tersebut menunjukkan betapa Leftenan Adnan berjuang mempertahankan tanah air sehingga sanggup menggadaikan nyawanya.	3
– Peristiwa penduduk kampung digambarkan menentang hasrat Pak Saidi untuk menghantar anak-anaknya bersekolah di sekolah Inggeris. Peristiwa itu dapat diteladani oleh pembaca kerana sebagai pembaca kita sepatutnya menilai kepentingan pendidikan terhadap masa depan negara dan perlu berfikir terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.	3
(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor	
– Peristiwa Karl menghembuskan nafasnya yang terakhir tepat pukul 7.00 malam dan Karl berwasiat supaya mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka. Upacara menaburkan abu mayat Karl telah dilakukan di Port Dickson. Menerusi peristiwa ini, pembaca boleh meneladani bahawa urusan kematian seseorang itu perlu disempurnakan dengan baik.	3
– Peristiwa Aqram menawarkan projek bernilai 1.5 juta kepada Farisha dan Rosman. Walaupun mereka baru sahaja berkenalan, tetapi Aqram dilihat bersungguh-sungguh dalam urusan berkenaan. Peristiwa ini boleh diteladani kerana, sebagai manusia kita perlu berhati-hati ketika berurusan dengan orang yang baru sahaja dikenali kerana bimbang ada niat yang buruk daripadanya.	3
(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin	
– Peristiwa Lili yang berasa gembira apabila melihat ibunya sedang berbual-bual mesra dengan datuk dan neneknya. Pada babak itu, nenek Lili memberitahunya sebab jendela dibina menghadap ke jalan. Dalam peristiwa ini, pembaca boleh meneladani kisah bahawa walaupun sesuatu hubungan itu sudah lama tidak terjalin, tetapi boleh disatukan semula selepas masing-masing menurunkan ego mereka.	3
– Peristiwa datuk Lili yang masih tidak pulang ke rumah walaupun hari sudah malam hingga mencetuskan kebimbangan kepada nenek. Peristiwa ini boleh diteladani oleh kita sebagai pembaca agar sentiasa memaklumkan keberadaan kita kepada orang lain supaya tidak menimbulkan kerisauan, terutamanya kepada ibu bapa yang menyayangi kita.	3
(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin	
– Peristiwa Felicia memanggil Raiha yang ketika itu sedang melangkah ke garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Felicia menangis tersedu-sedan dan meminta maaf daripada Raiha atas kesilapannya. Menerusi peristiwa itu, pembaca boleh meneladani sikap watak yang perlu meminta maaf selepas berbuat silap kepada orang lain untuk memastikan hubungan kekal.	3
– Peristiwa pencerobohan seorang pemuda yang tidak dikenali ke Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Semasa kejadian, suasana sangat kelam kabut dan telah menimbulkan suasana saspens. Daripada peristiwa ini, pembaca dapat meneladani untuk sentiasa berjaga-jaga dan memastikan keselamatan kawasan tempat tinggal seperti rumah dan sekolah yang turut	3

boleh diceroboh sekiranya tidak dikawal dengan baik.

(e) *Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip*

– Peristiwa Azhari menemui Dahlia di stesen bas sebelum bas ekspres bertolak ke Kuala Lumpur dan mengucapkan Koi-bito kepada Dahlia. Azhari menghadiahi Dahlia sehelai songket merah berbenang emas sebagai simbol bahawa mereka ialah orang Melayu yang kaya dengan adat dan budi bahasa. Peristiwa ini boleh diteladani oleh kita sebagai rakyat Malaysia untuk sentiasa berbangga dengan budaya dan warisan yang kita miliki.

3

– Peristiwa rumah Embong yang dinaiki air banjir dengan cepat hingga menenggelamkan anak-anak tangga dan mencecah lantai rumahnya. Walaupun begitu, digambarkan situasi bot penyelamat yang belum muncul. Peristiwa ini boleh diteladani kita sebagai pembaca untuk sentiasa bersedia dengan sebarang musibah yang boleh menimpa sesiapa sahaja tidak kira tempat dan masa.

3

(f) *Tirani karya Beb Sabariah*

– Peristiwa Zahid meluahkan penyesalannya atas kesalahan besarnya terhadap Waheeda dan anak kandung mereka, Izzati. Lais cuba menenteramkan perasaan Zahid dan Waheeda manakala Izzati pula memujuk ibunya agar memaafkan kesalahan bekas suaminya. Peristiwa ini boleh diteladani oleh pembaca kerana walaupun kita melakukan kesalahan yang besar tetapi hendaklah sentiasa jujur demi menjaga hubungan dengan orang lain. Selain itu, kita diajar untuk sentiasa memaafkan orang lain.

3

– Peristiwa Waheeda membuat pinjaman daripada tabung usahawan siswazah, Bank Pembangunan melalui Program Kemajuan Luar Bandar Sarawak. Pinjaman itu adalah bertujuan mengembangkan perniagaan kemudahan penginapan Chalet Tajau Emasnya itu. Daripada peristiwa ini, pembaca boleh meneladani sikap berani menghadapi cabaran dan risiko untuk mencapai kejayaan.

3

(g) *Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop*

– Peristiwa Muhammad Taufik telah melamar Nurul Hafsa dan Nurul Hafsa menerima lamaran tersebut. Nurul Hafsa tersenyum apabila membaca mesej daripada Muhammad Taufik yang berbunyi “Kita ialah dua ekor kelip-kelip terakhir di dunia.” Daripada peristiwa itu, pembaca boleh meneladani sikap menghargai seseorang yang disayangi untuk mencapai kebahagiaan hidup.

3

– Peristiwa Nurul Hafsa melihat tiga orang lelaki memotong rumput di tepi-tepi jalan di lorong ke rumahnya yang sunyi sejak dua tiga hari. Perkara yang meragukan Nurul Hafsa ialah lalang masih meninggi. Peristiwa itu perlu diteladani bahawa kita perlulah sentiasa memastikan keadaan sekeliling kita sentiasa dalam keadaan yang selamat supaya tidak ada perkara yang buruk boleh berlaku.

3

(h) *Silir Daksina karya Nizar Parman*

– Peristiwa Haiqal telah membuat keputusan untuk menyambung pelajaran di sebuah universiti di negeri Bumi Kenyalang selepas uminya melihat sendiri dia mempersembahkan tarian zapin di Kampung Seri Purnama, Batu Pahat Johor. Peristiwa ini perlu diteladani kerana sebagai remaja, kita perlulah

3

	mementingkan pendidikan untuk masa depan yang cerah. – Peristiwa Haiqal pergi ke rumah See Hwa untuk memujuknya supaya menyertai persembahan tarian zapin dan berpasangan dengannya. Haiqal digambarkan sebagai seorang yang bersungguh-sungguh untuk menjayakan persembahan itu. Daripada peristiwa ini, kita dapat meneladani sikap Haiqal yang tidak mudah mengalah dalam melakukan sesuatu perkara sehinggalah dia berjaya dan boleh membuktikan kepada uminya.	3
Bahagian C: Rumusan	PENDAHULUAN	
Soalan 9 (Rumusan)	– Rumusan membincangkan manfaat-manfaat / kebaikan-kebaikan / kelebihan-kelebihan penggunaan buku teks digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan cabaran-cabarannya. – Rumusan membincangkan manfaat-manfaat penggunaan buku teks digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).	2 1
	ISI-ISI	
	Bahan 1 (F1) – Manfaat penggunaan buku teks digital dalam sesi PdP	
	– Aplikasi yang telah dimuat turun boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja walaupun tanpa Internet. – Buku teks digital turut menyediakan ruang simpanan yang lebih bersistematik. – Murid lebih efisien mencari maklumat melalui kata kunci. – Buku teks digital lebih mudah dikemas kini sekiranya berlaku kesalahan maklumat dalam penerbitan buku tersebut.	2 2 2 2
	Bahan 1 (F2) – Cabaran penggunaan buku teks digital	
	– Bukan semua murid mempunyai kemudahan peranti elektronik. – Merumitkan murid untuk membuat pendaftaran akaun sebagai pengguna. – Memerlukan kos penyediaan dan pelaksanaan yang tinggi	2 2 2
	Bahan 2 (F1) – Manfaat penggunaan buku teks digital dalam sesi PdP	
	– Menjadikan sesi pengajaran guru lebih menarik. – Menghimpunkan 1.7 juta pengguna aktif pada setiap bulan. – Aplikasi yang interaktif dan imej yang menarik mampu membantu murid fokus dan mudah memahami sesuatu mata pelajaran.	2 2 2
	Bahan 3 (F2) – Cabaran penggunaan buku teks digital	
	– Ibu bapa bimbang anak-anak tidak menggunakan peranti untuk pembelajaran.	2
	KESIMPULAN	
	Kesimpulannya, penggunaan buku teks digital dalam sesi PdP perlu diperhalusi lagi agar sistem pendidikan negara bertambah maju.	2